

OBOR BELIA

BUKU 21

CIPTAAN BARU SIAP BERJUANG



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penterjemah: Jacqueline Jose

Jacqueline adalah seorang Rungus dari Kudat yang menetap di Lahad Datu, Sabah. Merupakan pelajar ijazah perubatan di Monash University kampus Sunway, Jacqueline mula terlibat dalam penterjemahan melalui projek "101 Cerita-cerita dari Alkitab" terbitan Wawasan Penabur.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Februari 2011

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com

Kulit Buku : Randy Singkee

Artis Ilustrasi : Eugene Tan & Yee Weng Chiang

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia

Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2011 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Ciptaan Baru Siap Berjuang

Lembar Kerja

6	Sesi 1: Kematian...Penamat Bagi Kehidupan?
10	Sesi 2: Berbeza Selamanya!
14	Sesi 3: Dimateraikan Di Dalam-Nya
18	Sesi 4: Kuasa Untuk Menjadi Sempurna
22	Sesi 5: Perang Melawan Dunia
26	Sesi 6: Perang Melawan Kedagingan
30	Sesi 7: Perang Melawan Iblis
34	Sesi 8: Perjuangan Terakhir

Panduan Pembimbing

39	Sesi 1
44	Sesi 2
48	Sesi 3
53	Sesi 4
59	Sesi 5
66	Sesi 6
72	Sesi 7
80	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.




Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 21: Ciptaan Baru Siap Berjuang

Mukadimah

Banyak orang hidup dalam perhambaan kepada pelbagai perkara dalam kehidupan mereka. Ada yang hidup dalam kebimbangan dan ketakutan yang berterusan; ada yang penuh dengan kemarahan dan kepahitan; ada pula yang mengalami kecacatan emosi disebabkan luka dan calar yang dalam. Demi kehidupan yang telah dibinasakan oleh dosa manusia inilah Allah telah mengutuskan Yesus untuk menyelamatkan dan membebaskan manusia.

Belia Kristian juga tidak terkecuali daripada kelemahan dan dosa manusia. Mereka bukan sahaja perlu mendengar, tetapi juga mengerti dan menghayati sepenuhnya tentang kuasa kematian Yesus dalam kehidupan mereka. Tanpa Yesus Kristus, tiada harapan bagi mereka selepas kematian. Allah bukan sahaja menawarkan kehidupan yang kekal kepada yang percaya, tetapi juga kehidupan baru sebagai anak-anak-Nya.

Apabila kita menyerahkan kehidupan kita kepada Yesus, dengan menjemput Dia masuk ke dalam hati dan bertakhta di dalam kehidupan kita, kita menjadi ciptaan baru. Yang lama telah berlalu dan yang baru telah tiba. Jika kita serius dalam mengikuti-Nya, Roh Kudus akan mempersiapkan dan memperlengkapkan kita untuk menghadapi semua perjuangan dalam kehidupan ini.

Dalam bukunya yang bertajuk '*The Fight*' (Perjuangan), John White menulis bahawa '... mengakui Yesus sebagai Juruselamat dan Tuhan bererti kita bersetuju menyertai satu angkatan tentera. Sama ada anda tahu atau tidak, anda telah memasuki pasukan tentera Allah.' Perjanjian Baru, terutamanya surat Paulus, dipenuhi dengan imej dan istilah tentera untuk menggambarkan kehidupan Kristian. Peperangan keduniaan bukanlah perjuangan yang sebenar; kehidupan Kristian adalah perjuangan sebenar.

Jika kita sudah berada dalam angkatan tentera Allah, kita harus mengetahui sifat peperangan dan musuh-musuh yang harus kita lawan: dunia, daging, iblis dan kematian. Sesi 5-8 akan membincangkan tentang setiap bahagian untuk membantu kita memahami apa yang harus kita tentang dalam perjalanan kehidupan seorang Kristian dan

bersedia untuk hidup sebagai tentera Kristus yang bagus.


Kita akan belajar bahawa Allah telah mengumpulkan kesemua sumber rohaniah yang kita perlukan untuk menjalani kehidupan baru sebagai seorang tentera Kristus. Semoga kata-kata Paulus yang diucapkan di penghujung hayatnya menjadi panggilan lantang untuk kita menjalani kehidupan dalam medan perjuangan dengan setia dan baik.

“Tentang diriku, sudah tiba masanya aku akan mati sebagai korban kepada Allah. Tidak lama lagi aku meninggalkan dunia ini. Aku sudah berusaha dengan sebaik-baiknya dalam perlumbaan dan aku sudah sampai di garis akhir. Aku tetap setia kepada Kristus sampai akhir. Sekarang hadiah kemenangan menantikan aku. Pada Hari Kiamat, Tuhan, Hakim yang adil akan menyerahkan hadiah itu kepadaku, kerana aku telah hidup menurut kehendak-Nya. Bukan aku sahaja yang akan menerimanya, tetapi juga semua orang yang menantikan kedatangan-Nya dengan penuh kerinduan.”

(2 Timotius 4:6-8)



Kematian...Penamat Bagi Kehidupan?





Ayat Mas Alkitab

“Hai maut, di manakah kemenanganmu? Hai maut, di manakah sengatmu?”
Sengat maut itu dosa, dan dosa mendapat kuasa daripada Taurat. Tetapi kita bersyukur kepada Allah yang memberikan kemenangan kepada kita melalui Yesus Kristus Tuhan kita!
(1 Korintus 15:55-57)



Kata-kata Mutiara


Kematian tidak lagi memegang kehidupan kita kerana Yesus Kristus telah melunasi hukuman untuk dosa kita dan telah memberi kita kehidupan yang kekal.



Aktiviti Bersama

Eulogi

Jika anda meninggal dunia pada hari ini, apakah yang anda mahu orang tuliskan untuk anda? Lanya mungkin tentang karakter anda, pencapaian atau kekurangan anda, apa yang anda miliki, dan lain-lain.



Renungan Firman Tuhan

Bagaimana mengikuti kemahuan kita (dan bukan kehendak Allah) boleh menyebabkan manusia mati?



A. Pada Mulanya....

1. Apa yang Allah lakukan apabila Dia mula-mula mencipta manusia? (Kejadian 1:27)
2. Apa yang Diauntut daripada manusia yang dicipta-Nya? (Ulangan 10:12-13)
3. Dia menjadikan Adam dan Hawa berkuasa atas semua yang telah Dia jadikan, dan memberikan apa yang mereka perlukan. Hanya satu yang Dia perintah supaya jangan mereka langgar. Apakah itu? (Kejadian 3:2-7)
4. Apa yang dikatakan oleh Alkitab sebagai pelanggaran itu? (Yesaya 53:6a)

B. Klimaks Cerita...

5. Apa yang Allah katakan kepada Adam dan Hawa sekiranya mereka makan buah dari pohon itu? (Kejadian 2:16-17)
6. Apa yang terjadi selepas mereka mengingkari Allah? (Kejadian 3:17-19, 23-24)

C. Kesudahan Cerita...

7. Pengingkaran ini disebut sebagai 'dosa' oleh Alkitab. Alkitab mengatakan apa tentang dosa seorang manusia ini? (Roma 5:12)



Renungan Peribadi

Fikirkan satu tema tentang kemenangan Yesus melalui kematian-Nya. Dia telah mengubah hukuman kematian dan perpisahan yang kekal daripada Allah kepada kehidupan yang baru dan kekal di dalam-Nya. Sekarang, buatlah satu 'Pernyataan Kemenangan' untuk mengingatkan anda tentang karya penyelamatan Kristus itu. Anda boleh melukis simbol salib, menggunakan perkataan-perkataan seperti '*Hai maut, di manakah kemenanganmu?*' (1 Korintus 15:55), dan sebagainya.

Santapan Minda

"Kelahiran kembali membawa kita ke dalam Kerajaan kasih karunia, dan kematian ke dalam Kerajaan kemuliaan."

~ Richard Baxter

"Ramai yang bercadang mencari Tuhan hanya di saat terakhir menemui ajal mereka setengah jam sebelum mereka temu Tuhan!"



Doa

Berterima kasihlah kepada Allah kerana mengutus Yesus Kristus untuk mengambil hukuman bagi dosa kita agar kita tidak perlu menghadapi perpisahan yang kekal daripada-Nya. Bersyukurlah kepada-Nya atas kemenangan mengalahkan maut dan dosa yang telah dilaksanakan oleh Yesus.



Berbeza Selamanya!





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi kepada mereka yang menyambut Dia dan percaya kepada-Nya, mereka diberikan-Nya hak menjadi anak Allah. Mereka menjadi anak Allah bukan dengan jalan dilahirkan oleh manusia, tetapi Allah sendiri menjadikan mereka anak-anak-Nya.”
(Yohanes 1:12-13)



Kata-kata Mutiara

Apabila kita menerima Yesus sebagai Juruselamat yang telah mati untuk dosa-dosa kita, Allah memberikan kita kehidupan yang baru sepenuhnya dengan mengangkat kita menjadi anak-anak-Nya dan menjadikan kita pewaris-Nya bersama-sama dengan Yesus Kristus.



Aktiviti Bersama

Cerita Saya....

Sudahkah anda menerima Yesus sebagai Juruselamat anda? Tuliskan dengan ringkas bagaimana, bila, di mana dan peristiwa apa yang membuat anda percaya kepada Yesus. Kongsikan dengan teman-taman anda apa yang telah anda tuliskan.





Renungan Firman Tuhan

A. Satu Identiti yang Baru

1. Apa yang terjadi kepada anda apabila anda percaya Yesus telah mati untuk dosa-dosa anda? (Yohanes 1:12-13)
2. Apa janji Allah apabila anda 'dilahirkan semula'? (Wahyu 21:3)
3. Apabila anda dilahirkan kepada ibu bapa anda, nama anda dicatatkan dalam sijil kelahiran yang menandakan anda kepunyaan ibu bapa anda. Apa yang terjadi kepada nama anda bila anda menjadi anak Tuhan? (Wahyu 21:27)

B. Satu Kerakyatan yang Baru

4. Anda menjadi warganegara Malaysia apabila anda dilahirkan di negara ini. Alkitab mengatakan apabila anda menerima Yesus, anda menjadi kewargaan apa? (Kolose 1:13)
5. Apa yang kita miliki bila berada dalam kerajaan itu? (Kolose 1:14)

C. Orang yang Baru

6. Apa yang terjadi kepada seseorang yang telah menerima Yesus dalam kehidupan mereka? (2 Korintus 5:17)
7. Apa yang dimaksudkannya sebagai 'yang lama sudah berlalu'? (2 Korintus 5:17)

8. Apa yang terjadi kepada 'manusia lama' kita? (Roma 6:6)
9. Menurut Efesus 4:22-24, apa yang telah terjadi kepada kita? (tandakan)
- ☐ Manusia lama kini telah mati kepada dosa
 - ☐ Manusia lama itu tetap di sana walaupun tidak aktif
 - ☐ Manusia baru diciptakan untuk menjadi kudus dan benar
 - ☐ Tidak dapat mengawal kebiasaan lama
 - ☐ Masih menjadi hamba kepada dosa
 - ☐ Tidak dikuasai oleh dosa lagi
 - ☐ Sikap-sikap telah diperbaharui



Renungan Peribadi

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan kebaikan dan keburukan menjadi anak-anak Allah. Anda boleh merujuk kepada Roma 8:28-39; 1 Yohanes 5:13-15; Filipi 4:19-20

Santapan Minda

“Hak menjadi anak-anak Allah adalah satu penghormatan dan keistimewaan, bukan hanya sebagai satu kebaikan yang telah Allah berikan kepada kita melalui Yesus Kristus. Ini akan hanya kita kecapai sekiranya kita menerima Yesus yang telah mati untuk dosa-dosa kita, dan meminta-Nya untuk masuk bertakhta di dalam kehidupan kita.”

~ Goh Kim Guat



Doa

Gunakan senarai yang telah anda tuliskan tadi dan jadikannya doa-doa pendek sebagai tanda kesyukuran anda kepada Allah untuk semua yang telah dilakukan-Nya untuk mereka melalui Yesus Kristus. Berdoalah supaya anda akan lebih dapat mengetahui realiti dan keistimewaan menjadi anak Allah.

Dimateraikan Di Dalam-Nya





Ayat Mas Alkitab

“Di dalam Dia kamu juga, ketika kamu percaya, dimeteraikan dengan Roh Kudus, yang dijanjikan-Nya itu. Dan Roh Kudus itu adalah jaminan bahagian kita sampai kita memperoleh seluruhnya, iaitu penebusan yang menjadikan kita milik Allah, untuk memuji kemuliaan-Nya.”

(Efesus 1:13b-14)



Kata-kata Mutiara


Allah memberikan kita Roh Kudus-Nya yang benar untuk mengesahkan pemilikan-Nya ke atas kita dan sebagai jaminan tentang apa yang akan kita miliki di dalam-Nya



Aktiviti Bersama

Materai & Hakmilik

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan pengertian dan penaglaman anda dengan Roh Kudus.



Renungan Firman Tuhan

1. Semasa kita menerima Yesus sebagai Juruselamat kita, Allah memeteraikan kita dengan apa? (Efesus 1:13)

2. Apa erti pemataraan itu? (Efesus 1:14)
3. Mengapa kita sekarang berbeza daripada orang yang belum mengenal Tuhan? (2 Korintus 1:21-22)
4. Siapakah Penolong yang dijanjikan oleh Yesus? (Yohanes 14:15-17)
5. Apa yang akan dilakukan oleh Penghibur yang dijanjikan itu? (Yohanes 14:26)
6. Bagaimana Roh Kudus memimpin kita untuk mengetahui apa yang benar dan baik untuk diri kita? (Yohanes 16:13)
7. Bagaimana kita tahu akan Roh Kebenaran tersebut? (Yohanes 16:14)



Renungan Peribadi

Sebagai satu peringatan tentang anda sekarang adalah milik Allah, renungkan ayat-ayat di bawah ini. Anda boleh memilih salah satu ayat in sebagai ayat hafalan minggu ini:

Tetapi Penghibur, yaitu Roh Kudus, yang akan diutus oleh Bapa dalam nama-Ku, Dialah yang akan mengajarkan segala sesuatu kepadamu dan akan mengingatkan kamu akan semua yang telah Kukatakan kepadamu.

(Yohanes 14:26)

Tetapi apabila Ia datang, yaitu Roh Kebenaran, Ia akan memimpin kamu ke dalam seluruh kebenaran...

(Yohanes 16:13a)

...di dalam Dia kamu juga, ketika kamu percaya, dimeteraikan dengan Roh Kudus, yang dijanjikan-Nya itu. Dan Roh Kudus itu adalah jaminan bagian kita sampai kita memperoleh seluruhnya, yaitu penebusan yang menjadikan kita milik Allah, untuk memuji kemuliaan-Nya. (Efesus 1:13b-14)

Dan jika Roh Dia, yang telah membangkitkan Yesus dari antara orang mati, diam di dalam kamu, maka Ia, yang telah membangkitkan Kristus Yesus dari antara orang mati, akan menghidupkan juga tubuhmu yang fana itu oleh Roh-Nya, yang diam di dalam kamu. (Roma 8:11)

Sebab, jika kamu hidup menurut daging, kamu akan mati; tetapi jika oleh Roh kamu mematikan perbuatan-perbuatan tubuhmu, kamu akan hidup. Semua orang, yang dipimpin Roh Allah, adalah anak Allah. (Roma 8:13-14)

Santapan Minda

"Setiap kali kita berkata, 'Aku percaya akan Roh Kudus,' itu berarti bahawa kita percaya ada Allah yang hidup yang mampu dan mahu masuk ke dalam hati manusia dan mengubahnya."

~ J. B. Phillips, *Plain Christianity* [1954]



Doa

Berterima kasihlah kepada Allah untuk pemberian Roh Kudus-Nya sebagai satu materai pengesahan pemilikan kita kepada-Nya. Minta Dia membantu anda untuk mengenali-Nya dan berdoa supaya Roh Kudus menuntun dan memimpin anda untuk menjalani kehidupan ini dengan setia dan benar pada setiap hari.



Kuasa Untuk Menjadi Sempurna





Ayat Mas Alkitab

“Roh Tuhan ALLAH ada padaku, oleh karena TUHAN telah mengurapi aku; Ia telah mengutus aku untuk menyampaikan kabar baik kepada orang-orang sengsara, dan merawat orang-orang yang remuk hati, untuk memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan, dan kepada orang-orang yang terkurung kelepasan dari penjara...”
(Yesaya 61:1)



Kata-kata Mutiara

Yesus datang untuk memberikan kita kehidupan dengan membebaskan kita daripada diri kita yang lama dan membawa kesembuhan ke dalam hidup kita.



Aktiviti

Bersama

Bagaimanakah Kehidupan Anda Sekarang?

Adakah anda berpuas hati dengan kehidupan anda sekarang ini? Jawab kuiz di bawah ini untuk mengetahuinya!

Bahagian 1

Nilaikan setiap kenyataan di bawah dengan skala 1-10. Jujurlah!

	Blah!										Hebat!
Berapa bahagiannya saya?	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Berapa pentingnya saya?	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Berapa damainya saya?	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Berapa selamatnya saya?	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Berapa gembiranya saya?	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	

Total Markah:

Bahagian 2

Sekarang lengkapkan pernyataan di bawah ini, dan tulislah sejujurnya:

Saya akan lebih bahagia _____

Saya akan lebih penting kalau _____

Saya akan lebih damai kalau _____

Saya rasa lebih selamat kalau _____

Saya akan lebih gembira kalau _____



Renungan Firman Tuhan

1. Apa yang dijanjikan Yesus kepada mereka yang menerima-Nya? (Yohanes 10:10)
2. Salah satu perkara yang Yesus katakan adalah Dia datang untuk memberikan kehidupan yang penuh/berkelimpahan. Apakah maksud Yesus itu?
3. Berita Baik yang bagaimanakah Yesus bawa untuk kita? (Yesaya 61:1-2)
4. Menurut ayat itu, kita dibebaskan daripada belenggu atau tawanan apa?
5. Apa yang akan dilakukan oleh Yesus untuk hati yang hancur dan remuk? (Yesaya 61:1)
6. Bagaimana pula dengan mereka yang berkabung? (Yesaya 61:3)
7. Apa janji Yesus kepada mereka yang lesu? (Matius 11:28)
8. Apa yang diberikan Yesus kepada mereka? (Yohanes 14:27)
9. Mengapa kita boleh bersandar kepada janji-Nya itu? (Yohanes 16:33)



Renungan Peribadi

Pilihan Ada di Tangan Anda!

Fikirkan dan renungkan apa yang telah kita pelajari bersama selama 4 sesi ini:

- ❶ Yesus telah mati untuk membebaskan setiap orang daripada dosa dan membawa kita kembali untuk mengenali Allah yang telah mencipta dan yang mengasihi kita.
- ❷ Tetapi kita harus menerima hadiah kehidupan yang telah Allah tawarkan ini dengan menerima Yesus ke dalam kehidupan kita untuk menjadi Juruselamat hidup kita.
- ❸ Caranya mudah! Hanya dengan doa yang ringkas dan sederhana tetapi sungguh-sungguh, dengan mengaku bahawa kita telah berdosa, dan memerlukan Yesus untuk menghapuskan dosa kita, dan menjadi Tuhan dan Juruselamat dalam kehidupan kita.
- ❹ Sudahkah anda serahkan diri dan jiwa anda kepada Yesus?

Santapan Minda

“Kita tidak menuruti semua hukum dan perintah untuk mendapatkan keselamatan kita. Keselamatan datang hanya atas dasar mezbah, yang mewakili kematian Kristus di dalam ruang dan waktu. Kita harus menerima penyelamatan dengan tangan iman yang kosong. Hukum dan perintah adalah pernyataan bersyarat di tengah-tengah janji-janji tanpa syarat. Misalnya, sebagai Kristian adakah anda ingin diampuni oleh Allah? Maka memilikilah hati yang memaafkan orang lain. Itulah apa yang Yesus katakan.”

~ Francis Schaeffer



Doa

Sama-sama kita memberikan berkat damai sejahtera Allah kepada satu sama lain. Mulakan dengan mengucapkan “Berkat Tuhan besertamu, _____ (nama)” sambil bersalaman.

Perang Melawan Dunia





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah kasihi dunia ini, atau segala sesuatu di dunia ini. Jika anda mengasihi dunia ini, anda tidak mengasihi Allah Bapa. Segala sesuatu di dunia ini, iaitu yang diinginkan oleh keinginan hati orang berdosa, dan yang dilihat lalu dikehendaki, serta yang dibangga-banggakan, semuanya tidak berasal daripada Bapa, tetapi dari dunia. Dunia dan segala sesuatu di dunia yang diinginkan oleh manusia tidak kekal. Tetapi orang yang melakukan kehendak Allah, akan hidup selama-lamanya.”

(1 Yohanes 2:15-17)



Kata-kata Mutiara

Alkitab memanggil kita untuk tidak mengasihi dunia kerana perkara-perkara dalam dunia akan membawa kita jauh daripada Allah dan mengelakkan kita daripada mengetahui apa yang Dia mahukan untuk kehidupan kita.



Aktiviti Bersama

Apa Itu Dunia?

Dalam kumpulan 3-4 orang, bincangkan:

1. Apa yang dimaksudkan oleh Alkitab dengan perkataan ‘dunia’?
2. Beri sebab-sebab mengapa ‘dunia’ sering dianggap musuh oleh Kristian?



Renungan Firman Tuhan

1. Alkitab berbicara tentang dunia dalam tiga cara. Baca ayat berikut dan tuliskan apa yang dimaksudkan oleh Alkitab:
(a) Mazmur 24:1

(b) Yohanes 3:16

(c) 1 Yohanes 2:15-17

2. Dunia manakah yang kita harus perangi?
3. Apa yang ada pada dunia yang kita harus lawan/perangi?
(1 Yohanes 2:15-17)
4. Apa kata Allah tentang keangkuhan? (Amsal 16:5)
5. Yohanes memanggil kita untuk tidak mengasihi cara dunia.
Bagaimana kita dapat melakukannya? (1 Yohanes 2:15-17)
6. Roma 12:1-2 menyerukan kita untuk apa?
7. Apa kebaikan jika kita tidak menjadi seperti dunia tetapi mengalami perubahan dalam pikiran? (Roma 12:2)
8. Apa yang dinasihatkan Yesus kepada kita di Yohanes 17:11,16?
9. Bila kita dapat mengalahkan dunia, kita akan diubah menjadi apa oleh Roh Kudus? (2 Korintus 3:18)



Renungan Peribadi

Pendirian Saya

1. Kenal pasti apakah pergelutan paling sukar anda.
2. Apakah punca utama berlakunya masalah itu dan sebab-sebab pergelutan yang anda hadapi?
3. Bagaimana anda boleh membenarkan fikiran anda diperbaharui dan terus berjalan menuju kemenangan?

Santapan Minda

"[Orang Kristian] menolak untuk memberikan hatinya, atau diambil oleh, nilai-nilai dan kesenangan dari dunia yang fana ini. Dia tidak ragu-ragu untuk menggunakan semua yang baik dan indah dan benar. Ini adalah kerana dia tahu bahawa Tuhannya telah memberikannya "segala sesuatu untuk dinikmati". Dia juga tahu bahawa dalam semua keindahan dan kesenangan kehidupan ini, ada janji yang nyata dan kekal yang dia yakin dengan sepenuhnya dalam Tuhannya."

J. B. Phillips, Perjanjian Baru [1956]



Doa

Serahkan diri anda kepada Tuhan. Berdoalah agar Dia berbelas kasihan kepada anda terutama sekali ketika anda bergelut untuk tidak menurut cara dunia. Minta Dia memberi anda kuasa untuk menjalani kehidupan dengan kepatuhan dan keakuran yang besar kepada-Nya.

Perang Melawan Kedagingan





Ayat Mas Alkitab

“Inilah maksudku: Biarlah Roh Allah memimpin hidup kamu dan janganlah hidup menurut keinginan tabiat manusia...Demikianlah, orang yang menjadi milik Kristus Yesus sudah mematikan tabiat manusia dengan segala nafsu dan keinginannya. Roh Allah telah memberikan hidup baru kepada kita; oleh itu Dia juga harus menguasai hidup kita.” (Galatia 5:16, 24-25)



Kata-kata Mutiara

Alkitab memerintahkan kita untuk hidup dalam kepatuhan kepada Roh Kudus dan tidak membenarkan diri kita dikawal oleh sifat kita yang berdosa.



Aktiviti Bersama

Pergelutan Antara Aku & Tuhan

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

- Adakah anda mempunyai apa-apa pergelutan tentang apa yang anda inginkan untuk diri anda dan apa yang anda fikir Tuhan inginkan untuk anda? Kongsikan apakah ia.
- Siapakah yang selalunya menang pada akhirnya, Tuhan atau diri anda sendiri? Berikan alasan-alasan anda.



Renungan Firman Tuhan

A. Kehidupan Dalam Roh

1. Menurut Paulus, bagaimanakah cara kita boleh mengelakkan diri daripada menyerah kepada kemahuan sifat berdosa kita? (Galatia 5:16-18)

2. Secara praktikal, apakah maknanya semua ini kepada anda?
3. Apakah hasil daripada sifat berdosa kita (Galatia 5:19-21)?
(Nota: Paulus menyenaraikannya di bawah empat kategori)

Seksual:	
Rohaniah:	
Psikologi (Hati dan Fikiran):	
Fizikal:	

B. Buah Roh

4. Apakah akibat-akibatnya jika kita membenarkan Roh bekerja di dalam kehidupan kita (Galatia 5:22-23)?
5. Bagaimanakah kita boleh menghasilkan buah Roh (Galatia 5:24)?
6. Apakah yang dicabar oleh Paulus untuk kita lakukan jika kita mahu terus hidup dalam Roh (Galatia 5: 25)?
7. Bagaimanakah ini boleh dilakukan secara praktikal?



Renungan Peribadi

Tuliskan senarai buah daging dan buah Roh:

Buah Daging	Buah Roh

- 1 Mana satu perbuatan dalam pekerjaan daging yang anda sedang bergelut pada masa ini?
- 2 Bagaimana anda boleh membenarkan Roh Kudus membantu anda dalam hal tersebut?
- 3 Buah Roh yang mana satukah yang anda mahu Roh Kudus membuakkannya di dalam kehidupan anda?
- 4 Berikan sebab-sebabnya.

Santapan Minda

“Keinginan kuasa yang keterlaluan menyebabkan para malaikat jatuh; keinginan pengetahuan dalam diri menyebabkan manusia jatuh.”

~ Francis Bacon. 1561-1626. *Of Goodness*



Doa

Serahkan diri anda kepada Tuhan, berdoa agar anda akan bertekun untuk hidup dalam Roh dan tidak membenarkan diri anda menyerah kepada kemahuan diri anda yang lama. Berdoa agar Dia akan terus membantu anda bertumbuh dalam perjalanan anda bersama-Nya supaya mengeluarkan buah-Nya di dalam kehidupan anda.

Perang Melawan Iblis





Ayat Mas Alkitab

“Akhirnya, hendaklah kamu kuat di dalam Tuhan, di dalam kekuatan kuasa-Nya. Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan melawan tipu muslihat Iblis; karena perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara.” (Efesus 6:10-12)



Kata-kata Mutiara

Alkitab memberitahu kita bahawa perjuangan kita bukannya melawan daging dan darah tetapi melawan Iblis dan kuasa kegelapan dalam alam rohani.



Aktiviti Bersama

Senjata Rohani Anda...

Baca Efesus 6:10-18, dan lengkapkan diagram seorang tentera Roma di bawah ini. Tandakan ☆ untuk senjata yang bersifat defensif (pertahanan) dan ✖ untuk yang bersifat offensif (menyerang):





Renungan Firman Tuhan

Adakah anda sedar di saat anda serius untuk menjalani kehidupan Kristian dalam kepatuhan kepada Tuhan, anda telah memasuki satu medan peperangan rohani? Siapakah musuh anda dan peperangan jenis apakah yang anda terlibat? Ia adalah sesuatu yang anda perlu ketahui supaya anda dapat bersedia!

Bahagian I – Sang Musuh

1. Bagaimanakah Paulus menggambarkan kehidupan Kristian? Lihat dalam Efesus 6:10-12.
2. Siapakah musuh kita yang sebenar? Lihat dalam 1 Petrus 5:8.
3. Apakah nama-nama lain yang diberikan kepadanya? Lihat dalam Wahyu 12:9, Yohanes 12:31, Yohanes 17:15.

Bahagian II – Strateginya

4. Pada pendapat anda, apakah strategi Iblis pada akhirnya? Lihat dalam Wahyu 12:9 dan 2 Korintus 11:3.
5. Bagaimanakah Iblis menipu Hawa? Lihat dalam Kejadian 3:1-5.
6. Baca hal tentang pertemuan Yesus dengan Iblis dalam Lukas 4:1-13.
 - (a) Apakah keadaan fizikal Yesus ketika Iblis muncul?
 - (b) Apakah strategi yang digunakan Iblis untuk menggoda Yesus?
7. Apakah yang dapat anda pelajari tentang Iblis dalam ayat berikut?

Wahyu 12:10	
Yohanes 8:12	
2 Korintus 4:3-4	
2 Korintus 11:13-14	



Renungan Peribadi

Mencari Rekahan

- (a) Bahagian perisai manakah yang anda rasakan kekurangannya dalam kehidupan anda? Berikan alasan-alasan anda.
- (b) Bagaimanakah anda dapat memperlengkap diri anda dengannya?

Santapan Minda

“Menurut Wahyu 12:11, kita dapat kalahkan Iblis dan segala pendakwaan mereka dengan darah Anak Domba, dan dengan perkataan kesaksian kita. Ini bererti kita mempunyai senjata dengan bersaksi apa yang Tuhan telah lakukan di dalam kehidupan kita, kerana kita telah ditebus dengan darah Yesus Kristus.”



Doa

Baca Efesus 6:10-11 sekali lagi. Kemudian berdoalah agar berkat Tuhan sentiasa beserta anda sepanjang anda menjalani kehidupan di dalam-Nya.

Perjuangan Terakhir





Ayat Mas Alkitab

“Karena sama seperti semua orang mati dalam persekutuan dengan Adam, demikian pula semua orang akan dihidupkan kembali dalam persekutuan dengan Kristus. Tetapi tiap-tiap orang menurut urutannya: Kristus sebagai buah sulung; sesudah itu mereka yang menjadi milik-Nya pada waktu kedatangan-Nya. Kemudian tiba kesudahannya, yaitu bilamana Ia menyerahkan Kerajaan kepada Allah Bapa, sesudah Ia membinasakan segala pemerintahan, kekuasaan dan kekuatan. Karena Ia harus memegang pemerintahan sebagai Raja sampai Allah meletakkan semua musuh-Nya di bawah kaki-Nya. Musuh yang terakhir, yang dibinasakan ialah maut.”

(1 Korintus 15:22-26)



Kata-kata Mutiara

Kita tidak perlu takut akan kematian kerana Yesus telah memusnahkan kuasa Iblis ke atas maut melalui kematian dan kebangkitan-Nya.



Aktiviti Bersama

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan :

1. Kenapa orang takut mati?
2. Adakah anda takut menghadapi kematian?
Beri alasan-alasannya.





Renungan Firman Tuhan

1. Menurut penulis Ibrani, apakah salah satu sebab Anak Allah menjadi manusia? (Ibrani 2:14-15)
2. Bagaimana Yesus melakukan itu?
3. Siapakah musuh terakhir yang akan ditakluki? (1 Korintus 15:26)
4. Bagaimanakah Yesus mengalahkan maut? (1 Korintus 15:22-24)
5. Apakah pengharapan kita tentang kehidupan dan kematian? Kenapa? (Yohanes 5:21-29; Wahyu 1:17-18)
6. Bagaimanakah kita sebagai anak-anak Tuhan juga telah mengalahkan maut? (1 Korintus 15:51-57)
7. Kuasa maut telah dipatahkan. Apa yang Rasul Yohanes lihat dalam penglihatannya tentang dunia yang baru? (Wahyu 21:3-4)
8. Apakah yang harus kita lakukan apabila kita berdepan dengan kematian atau apabila orang yang kita kenali berdepan dengan kematian?



Renungan Peribadi

Fikirkan yang berikut:

1. Bagaimanakah perasaan anda tentang kematian dan mati?
2. Sekiranya anda tahu bahawa anda akan mati tidak lama lagi, pada pendapat anda, bagaimanakah perasaan anda?
3. Bagaimanakah anda menjalani kehidupan anda sementara menunggu saat kematian anda?



Santapan Minda

“Sebab aku yakin, bahwa baik maut, maupun hidup, baik malaikat-malaikat, mahu pun pemerintah-pemerintah, baik yang ada sekarang, maupun yang akan datang, atau kuasa-kuasa, baik yang di atas, mahu pun yang di bawah, ataupun sesuatu makhluk lain, tidak akan dapat memisahkan kita dari kasih Allah, yang ada dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.”

~ Rasul Paulus, Roma 8:38,39



Doa

Serahkan segala kerisauan, ketakutan atau kegelisahan anda terhadap kematian kepada Tuhan. Berdoalah agar anda akan belajar untuk tidak takut pada kematian tetapi mengasihi Allah Tuhanmu dan menyerahkan kehidupan anda serta orang-orang yang anda sayangi kepada-Nya. Ketahuilah juga bahawa Dia adalah Bapamu yang di syurga yang mengasihi anda dan yang memegang kehidupan anda di dalam tangan-Nya.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Kematian...Penamat Bagi Kehidupan?



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa kematian adalah hukuman Allah terhadap dosa manusia apabila mereka berpaling daripada Allah.
2. Memahami bahawa Yesus Kristus telah melunasi hukuman bagi dosa mereka dan memberikan mereka kehidupan yang kekal.
3. Mengesahkan bahawa Yesus telah mengalahkan maut untuk mereka.



Pencetus Minat/Aktiviti Bersama

Tujuan aktiviti ini adalah untuk membuatkan para peserta berfikir tentang apa yang mereka mahu tertulis untuk mereka apabila mereka meninggal dunia.

1. Bahagikan para peserta kepada kumpulan yang terdiri daripada empat atau lima orang.
2. Minta mereka untuk memikirkan soalan berikut:

Jika anda meninggal dunia pada hari ini, apakah yang anda mahu orang tuliskan untuk anda? Lanya mungkin tentang karakter anda, pencapaian atau kekurangan anda, apa yang anda miliki, dan lain-lain.

3. Pastikan mereka menulis kata-kata pujian (*eulogi*) untuk diri mereka sendiri.
4. Kemudian minta mereka berkongsi antara satu sama lain dalam kumpulan mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Secara semula jadi, kebanyakan daripada kita mahu orang lain berfikir yang baik-baik tentang diri kita setelah kita meninggal dunia, bukan?
2. Banyak orang mahu melakukan perkara-perkara yang hebat dan menjalani kehidupan yang baik (*buat rujukan pada beberapa perkara yang telah mereka kongsi*) supaya mereka akan diingati oleh orang lain.
3. Biarpun anda telah melakukan perkara yang besar dan penting,

- adakah itu akan menentukan sama ada anda akan mati atau tidak?
(*Biar mereka respon*)
4. Jika anda menjadi kaya dan memiliki harta yang banyak, adakah anda dapat membawa kesemuanya bersama anda apabila anda mati? (*Biar mereka respon*)
 5. Tiada sesiapa pun yang suka berfikir atau berbicara tentang kematian, lebih-lebih lagi anak-anak muda zaman sekarang yang berfikir bahawa diri mereka tidak dapat dikalahkan! Walau bagaimanapun, adalah perlu untuk kita mempertimbangkan hal ini.
 6. Adakah anda sedar bahawa setiap orang di dunia ini akan mati? Kematian adalah suatu perkara yang akan berlaku kepada setiap manusia di dunia ini! Ia adalah satu perkara yang pasti dalam kehidupan ini!
 7. Apa sebenarnya yang menyebabkan kematian? Apakah yang akan terjadi kepada kita apabila kita mati? Setelah badan kita mereput dan menjadi sebahagian daripada tanah, apakah yang akan terjadi kepada bahagian pemikiran dan perasaan kita – adakah ia akan turut mereput? (*Biar mereka respon*)
 8. Untuk mendapatkan beberapa jawapan ini, kita harus bermula dari awal lagi.

B. Pada Mulanya...


1. Siapa di antara kamu yang sanggup melakukan sesuatu perkara mengikut cara anda berbanding dengan menurut apa yang diperintahkan oleh orang lain? (*Minta mereka untuk mengangkat tangan. Biasanya, kebanyakan mereka akan mengangkat tangan*)
2. Kebanyakan orang seperti itu! Tiada sesiapa pun yang suka diberitahu orang lain apa yang harus mereka lakukan kecuali jika mereka benar-benar tidak dapat membantu diri mereka sendiri.
3. Ia adalah sesuatu yang kita semua dapat rasakan, bukan? Anda mahukan kebebasan dan melakukan sesuatu dengan cara anda sendiri. Anda fikir anda tahu apa yang baik untuk anda dan anda tidak suka orang lain, terutama sekali ibu bapa anda, berfikir untuk anda.
4. Adakah anda sedar bahawa kemahuan untuk kebebasan adalah punca utama bagi semua masalah kita? Sejak awal lagi setelah Allah mencipta manusia, masalah sebegini telah timbul.
5. Manusia mahu menjadi bebas. Dia tidak mahu mengikut perintah Allah. Malangnya, itu mengakibatkan kematian!
6. Mari kita lihat apa yang telah kamu tuliskan dalam Eulogi anda tadi.

a. Dosa – Penyebab Kematian

- i. Alkitab memberitahu kita bahawa pada asalnya kita dicipta oleh Allah untuk mengenal dan mengasihi-Nya.
- ii. Allah mencipta manusia -- lelaki dan wanita -- menurut rupa-Nya, iaitu untuk menjadi seperti-Nya. Kemahuan-Nya adalah agar kita mempunyai hubungan peribadi dengan-Nya.
- iii. Lelaki dan wanita pertama, iaitu Adam dan Hawa, telah diberikan semua yang mereka perlukan dan mahukan. Mereka berkuasa ke atas semua yang ada. Mereka juga mempunyai hubungan peribadi dengan Allah. Gambaran Allah berjalan di dalam taman memberitahu kita bahawa mereka boleh melihat dan berbicara secara langsung dengan Allah.
- iv. Satu-satunya perkara yang Allah mahukan daripada mereka adalah kepatuhan mereka. Adam dan Hawa dibenarkan memakan buah daripada mana-mana pokok kecuali daripada pokok pengetahuan tentang kebaikan dan kejahatan. *(Adakah anda mahu percaya bahawa pokok tersebut adalah pokok yang benar atau hanya kiasan semata-mata, ia tidak membuat sebarang perbezaan terhadap mesej yang cuba disampaikan oleh penulis kitab Kejadian.)*
- v. Walau bagaimanapun, mereka digoda untuk menginginkan lebih daripada apa yang telah Allah berikan kepada mereka. Mereka mahu menjadi seperti Allah; mereka mahu melakukan sesuatu mengikut cara mereka dan bukan menurut kehendak Allah.
- vi. Itu adalah permulaan tentang apa yang Alkitab sebutkan sebagai 'dosa' di dunia. Pada dasarnya, dosa ialah melakukan sesuatu perkara mengikut cara kita, bukan menurut kehendak Allah.
- vii. Alkitab memberitahu kita bahawa oleh kerana Adam dan Hawa berdosa, mereka harus menghadapi hukuman mati. Mereka tidak boleh tinggal selama-lamanya di dalam hadirat Allah. Adam dan Hawa harus menghadapi kematian secara fizikal.
- viii. Kedua, mereka juga harus menghadapi akibat dipisahkan daripada hadirat Allah dan hubungan mereka dengan Allah diputuskan. Inilah yang disebut oleh Alkitab sebagai 'kematian rohaniah'.
- ix. Apa yang menyedihkan adalah bukan Adam dan Hawa sahaja yang dijejaskan dengan dosa dan kematian. Alkitab juga memberitahu bahawa kita semua telah berdosa. *(Pastikan mereka membuka Yesaya 53:6a. Bacakan ayat tersebut untuk mereka)*
- x. Kita semua telah berpaling daripada Allah dan melakukan hal kita sendiri. Oleh yang demikian, kematian, baik secara fizikal mahu pun rohaniah telah menjadi sebahagian daripada kehidupan setiap orang.

b. Yesus – Pemenang Keatas Kematian

- i. Pada pendapat anda, adakah cerita ini mempunyai penamat yang menggembirakan? (*Biar mereka respon*)
- ii. Sesungguhnya memang ada! Jika tidak, kita tidak akan mengadakan sesi pada hari ini!
- iii. Alkitab memberitahu kita bahawa walaupun kita berdosa terhadap TUHAN, Allah terlalu mengasihi kita untuk kita terpisah daripada-Nya buat selama-lamanya. Dia telah mencipta kita untuk mengenal dan mengasihi-Nya dan juga hidup bersama Dia buat selama-lamanya.
- iv. (*Pastikan gambar rajah berikut dilukis pada papan tulis*):



- v. Jika anda adalah Tuhan, bagaimana anda menterbalikkan hukuman anda? Ingatlah bahawa Allah adalah Tuhan yang adil dan kudus. Oleh kerana Dia adalah adil, apa yang salah perlu dihukum. Oleh kerana Dia adalah kudus, Dia tidak boleh menghadapi dosa kita kecuali jika dosa itu dihapuskan sepenuhnya. (*Biar mereka respon*)
- vi. Pertama, di mata Allah, dosa manusia harus dihukum. Salah tetap salah dan harus dihukum jika Allah benar-benar adil. Siapakah yang dapat menanggung hukuman untuk dosa semua orang? Orang itu mestilah sangat luar biasa, bukan? Dia mestilah seorang yang bebas dari dosa untuk menanggung hukuman manusia bagi mereka!
- vii. Kedua, dosa manusia harus dihapuskan sepenuhnya agar ia tidak lagi menghalang hubungan kita dengan Allah.
- viii. Siapakah yang dapat menghapuskan dosa bagi seluruh dunia? Bolehkah mana-mana manusia, walau sempurna sekali pun, melakukan dua perkara ini? (*Biar mereka respon*)
- ix. Hanya Allah sahaja yang boleh, dan Allah telah melakukannya!
- x. (*Pastikan mereka membuka Roma 5:8. Bacakan ayat tersebut untuk mereka*)
- xi. Allah telah mengutus Anak-Nya, Yesus Kristus untuk mengambil hukuman bagi kita. (*Lekatkan label **DIBATALKAN** pada perkataan 'hukuman'*)
- xii. (*Suruh mereka buka Roma 5:18-19 dan bacakan ayat tersebut untuk mereka*). Alkitab mengatakan bahawa melalui seorang manusia, iaitu Adam, kematian telah datang ke dunia. Kini, melalui kematian seorang lagi, iaitu Yesus Kristus, semuanya telah

diterbalikkan. Sekarang kehidupan telah diberikan kepada semua manusia. Walaupun kita tetap akan mati secara fizikal, kita diberikan kehidupan yang baru secara rohaniah. Kita tidak lagi mati secara rohaniah.

- xiii. Itu bermakna kita tidak lagi terpisah daripada Allah. Yesus telah menjadikan kita benar di hadapan Allah – dosa-dosa kita tidak lagi menghalang kita daripada mempunyai hubungan dengan Allah. Kini kita boleh kembali mengenal Allah secara peribadi dan juga menjalani hidup yang kekal di dalam-Nya. Apa yang pada mulanya kita miliki semasa Allah mula-mula menciptakan kita telah dikembalikan kepada kita!
- xiv. Sekarang kita memiliki kehidupan yang baru untuk dijalani sebelum kita bersemuka dengan Tuhan. Kita akan berbicara lebih lanjut tentang kehidupan baru ini dalam beberapa sesi seterusnya.
- xv. *(Lengkapkan gambar rajah seperti berikut):*



- xvi. Allah bukan sahaja memberikan kita kehidupan rohaniah yang baru, Dia juga menjanjikan kita kehidupan yang kekal di dalam Yesus Kristus untuk menggantikan kematian secara fizikal. Bahagian fizikal kita pasti akan mati, tetapi bahagian rohaniah, pemikiran dan perasaan kita serta diri kita yang sebenar akan terus hidup bersama Allah selama-lamanya. Oleh itu, biar pun jika anda mati sekarang, anda tidak perlu putus harapan dan berfikir bahawa ia adalah penamat bagi anda.
- xvii. *(Bacakan petikan terkenal Paulus di dalam 1 Korintus 15:55-57 untuk mereka)*
- xviii. Jadi pada akhirnya, apa yang anda lakukan dalam kehidupan anda tidak lagi penting kerana anda tidak boleh mengambil apa-apa yang fizikal bersama anda apabila anda mati.
- xix. Apa yang paling penting dalam kehidupan ini adalah anda tahu ke mana anda akan pergi selepas anda mati – dan untuk melakukannya anda perlu percaya dan menerima apa yang telah Yesus lakukan untuk anda. Tanpa mengakui dan menerima bahawa Yesus telah membayar hukuman untuk dosa anda, anda tidak boleh terlepas daripada kematian fizikal dan rohaniah yang dihadapi oleh semua orang.



Doa

Sesi 2 : Berbeza Selamanya!



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui bahawa sesuatu yang kekal terjadi kepada mereka apabila mereka menerima Yesus sebagai Juruselamat mereka.
2. Memahami bahawa mereka dilahirkan semula untuk menjadi anak-anak Tuhan dan pewaris-Nya, dan menjadi ciptaan yang baru di dalam Yesus Kristus.
3. Menimbang untuk diri mereka sendiri keistimewaan menjadi anak Tuhan.



Pencetus Minat

Permainan: Mari Gerakkannya (10-15 minit)

Tujuan permainan ini adalah untuk cuba menangkap antara satu sama lain dengan menukarkan arah tepukan tangan.

1. Alihkan semua kerusi ke tepi.
2. Pastikan semua orang berdiri dengan rapat antara satu sama lain dalam satu bulatan besar.
3. Minta mereka untuk berlutut dan letakkan tangan mereka di hadapan lutut mereka di atas lantai.
4. Kemudian setiap orang harus meletakkan tangan kiri di atas lantai di antara tangan orang lain yang duduk di sebelah kirinya. Jadi semua orang harus mempunyai tangan kiri orang lain yang terletak di atas tangan kanan mereka.
5. Permainan bermula dengan seorang pemain menepuk tangan di atas lantai. Dengan bergerak mengikut arah putaran jam, tangan pemain yang seterusnya perlu menepuk diikuti dengan tangan yang seterusnya mengelilingi bulatan.
6. Satu tepukan akan memberi isyarat untuk terus bertepuk dalam arah tersebut. Dua tepukan pula akan menterbalikkan arah pusingan tersebut. Mana-mana 'tangan' yang menepuk tanpa mengikut turutan atau ritma yang ditetapkan, akan keluar dari permainan.
7. Pastikan mereka memulakannya dengan perlahan terlebih dahulu. Setelah mereka telah belajar cara memainkannya, suruh mereka menambahkan kelajuannya.
8. Permainan diteruskan sehinggalah hanya seorang pemain sahaja yang tinggal.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Anda harus cepat semasa bermain permainan ini, bukan?
2. Ia bukan senang untuk kekal dalam permainan kerana anda harus fokus sepenuhnya untuk memastikan agar anda menepukkan tangan dalam arah dan rentak yang betul.
3. Apa yang membuatkan ia sukar adalah arah yang sentiasa berubah! Anda tidak akan tahu bila arah akan bertukar – semuanya bergantung pada bagaimana liciknya jiran-jiran anda!
4. Kadang-kadang kehidupan juga seperti itu. Apabila anda berfikir bahawa semua perkara berjalan dengan lancar dan baik, perubahan yang mengejutkan anda berlaku. Anda tidak boleh berkata dengan yakin bahawa semua perkara akan berjalan dalam cara yang anda mahu.
5. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara dalam kehidupan yang pasti akan berlaku dan tidak akan pernah berubah. Kita telah berbicara tentang dua perkara ini dalam sesi yang lepas. Apakah perkara-perkara tersebut? (*Biar mereka respon*)
6. Kematian adalah satu daripada beberapa perkara dalam hidup yang anda boleh pastikan. Ia akan terjadi kepada semua orang. Anda tidak boleh memberitahu bila ia akan berlaku tetapi anda tahu bahawa ia pasti akan terjadi pada suatu tahap kehidupan setiap orang.
7. Perkara yang satu lagi adalah kehidupan kekal. (*Bacakan Yohanes 3:16 untuk mereka*)
8. Walaupun kita mungkin tidak dapat melihatnya sekarang, Firman Tuhan memberitahu kita bahawa kehidupan kekal adalah satu lagi kepastian untuk sesiapa yang percaya dan menerima bahawa Yesus Kristus telah mati untuk dosa-dosa mereka.
9. Terdapat kepastian lain yang diberitahu Alkitab akan terjadi pada kita yang menerima Yesus. Mari kita melihat apakah perkara tersebut.

B. Berbeza Selamanya

1. Identiti Baru

- a. (*Tunjukkan mereka satu salinan surat beranak. Tanya mereka apakah benda itu dan terangkan ia untuk apa*) Setelah anda lahir, ibu bapa anda harus merekodkan kelahiran anda. Jika tidak, tiada bukti kewujudan anda! Ia juga adalah satu dokumen sah yang menjelaskan siapa anda dan siapa ibu bapa anda.

- b. Apabila anda percaya dan menerima bahawa Yesus telah mati untuk dosa-dosa anda; Alkitab memberitahu bahawa anda kini mengalami satu kelahiran baru. Ia bukan kelahiran fizikal seperti lahir sebagai bayi. Ia adalah kelahiran rohaniah.
- c. (*Bacakan Yohanes 3:3 untuk mereka*) Anda lahir semula sebagai anak Allah (Yohanes 1:12-13). Anda bukan sahaja menerima hidup yang kekal, tetapi juga menjadi anak Tuhan.
- d. Nama anda tertulis di syurga, di dalam Buku Kehidupan Allah (Wahyu 21-27). Anda mungkin tidak dapat melihatnya sekarang tetapi Firman Tuhan memberitahu bahawa ia adalah apa yang telah berlaku.
- e. Sekarang anda tidak lagi sama dengan diri anda dahulu! Anda sekarang sudah mempunyai identiti yang baru sebagai anak Tuhan.
- f. Sekarang anda memulakan kehidupan yang kekal sebagai anak Tuhan dengan bertumbuh untuk mengenal Allah dan mengalami kasih-Nya sebagai seorang Bapa, menikmati perlindungan dan bimbingan dalam kehidupan seharian anda.

2. Kerakyatan Baru

- a. Alkitab memberitahu kita bahawa dengan kematian-Nya, Yesus telah menyelamatkan kita dari kerajaan kegelapan dan membawa kita ke dalam Kerajaan Allah.
- b. Kita telah terlepas daripada kehidupan yang tidak mengenal Allah, iaitu kehidupan lama yang membawa kita kepada kematian rohaniah. Sekarang kita telah memasuki kerajaan Allah dan menjadi rakyat syurga.
- c. Perkara yang menakjubkan mengenai Allah adalah Dia tidak menjadikan kita rakyat biasa dalam kerajaan-Nya. Dia memberikan kita hak-hak sebagai pewaris-Nya bersama-sama dengan Anak-Nya Yesus! (*Suruh mereka membuka Roma 8:17 dan minta seseorang untuk membacanya*)
- d. Bayangkan sahaja betapa Allah menyayangi kita! Walaupun kita berpaling daripada-Nya, Dia masih mahu kita berkongsi semua yang dimiliki-Nya.
- e. Semua yang Allah miliki adalah kepunyaan kita sebagai pewaris-Nya. Kita mungkin tidak dapat mengalami kesemuanya sekarang tetapi Allah berjanji bahawa kita akan merasainya suatu hari nanti apabila kita berdepan dengan Allah.

3. Peribadi yang Baru

- a. Anda bukan sahaja menjadi anak Tuhan dan pewaris-Nya, tetapi suatu yang lain turut berlaku kepada anda dalam proses kelahiran baru ini.
- b. Anda menjadi ciptaan yang baru – peribadi yang baru sepenuhnya!
- c. Ini tidak bermaksud anda berubah secara drastik dan kelihatan berbeza – iaitu anda menjadi seorang lelaki kakak dengan ketinggian 185 cm (6 kaki 1 inci) ataupun seperti seorang supermodel! Perubahannya adalah di dalam diri anda.
- d. Diri anda yang lama iaitu sifat semulajadi lama anda yang berdosa, sekarang telah mati bersama Kristus. Allah telah memberikan anda diri yang baru yang telah diubah untuk menjadi seperti Yesus Kristus.
- e. Anda bukan lagi orang yang berdosa tetapi orang kudus – orang-orang yang dipisahkan oleh Allah untuk menjadi umat-Nya kerana anda telah menerima penyelamatan yang ditawarkan-Nya melalui Yesus.
- f. Sebagai anak Tuhan, anda sekarang mempunyai kuasa dalam Yesus untuk menjalani kehidupan yang baru ini. Anda tidak perlu lagi hidup dalam kehidupan yang dikawal oleh tabiat lama. Tuhan akan membantu anda bertumbuh untuk lebih menjadi seperti Yesus sehingga anda bersemuka dengan-Nya satu hari nanti.



Doa

Gunakan senarai yang telah anda tuliskan tadi dan jadikannya doa-doa pendek sebagai tanda kesyukuran anda kepada Allah untuk semua yang telah dilakukan-Nya untuk mereka melalui Yesus Kristus. Berdoalah supaya anda akan lebih dapat mengetahui realiti dan keistimewaan menjadi anak Allah.

Sesi 3 : Dimateraiakan Di Dalam-Nya



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui bahawa Allah memberikan Roh Kudus-Nya kepada sesiapa yang percaya dalam Yesus sebagai satu materai pemilikan dan menjamin warisan mereka sebagai anak-anak-Nya.
2. Menyedari bahawa Roh Kudus tinggal di dalam mereka dan bertindak sebagai pembimbing dan penuntun mereka.
3. Memilih satu ayat sebagai peringatan tentang siapakah Roh Kudus dan apakah yang dilakukan-Nya dalam kehidupan mereka.



Pencetus Minat

Teka Apa Di Dalam? (10 minit)

(Diperlukan: Kertas tebal, tali, bahan-bahan dengan bau tersendiri, beberapa keping kertas, pensel)

Aktiviti ini akan membuatkan para peserta untuk mengenal pasti bau-bauan berbeza yang ditunjukkan kepada mereka.

1. Bahagikan para peserta kepada kumpulan yang terdiri daripada dua atau tiga orang.
2. Sediakan 'beg-beg kertas' kecil yang masing-masing berisi bahan-bahan dengan bau yang tersendiri terlebih dahulu. Anda boleh menggunakan apa-apa jenis kertas tebal, tebuk beberapa lubang kecil di bahagian tengah dan letakkan salah satu daripada bahan-bahan di atasnya. Kemudian satukan kesemua sudut kertas, pintalkan dan ikat dengan seutas tali.
3. Bahan-bahan yang anda boleh gunakan: bawang putih, bawang merah, kupasan kulit limau, sabun wangi, ubat gegat, gula-gula pudina, roti berkulat, dan lain-lain.
4. Edarkan sekeping kertas dan pensel kepada setiap kumpulan.
5. Pegang satu beg pada satu-satu masa. Pastikan setiap kumpulan mengambil giliran untuk datang ke depan dan menghidunya. Tiada sesiapa yang dibenarkan untuk menyentuh beg tersebut.
6. Kemudian, pastikan mereka kembali ke tempat mereka dan tuliskan jawapan mereka.
7. Kumpulan dengan jumlah tekaan betul yang terbanyak akan menang.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Bagaimana anda dapat mengetahui bahan-bahan di dalam beg? (*Biar mereka respon*)
2. Anda dapat mengenal hampir semua bahan disebabkan bau-bauannya yang berbeza.
3. Anda mungkin tidak dapat melihatnya tetapi oleh kerana bahan-bahan tersebut mengeluarkan bau tertentu, anda dapat mengetahui apakah ia.
4. Bahagian luar setiap beg kertas kelihatan sama tetapi apa yang di dalam beg-beg itulah yang membuatnya berbeza.
5. Dalam cara yang sama, apabila anda menerima Yesus sebagai Juruselamat dan menjadi Kristian, anda kelihatan sama dari luar. Ia tidak seperti menanggalkan pakaian lama anda dan memakai pakaian baru di luar.
6. Perubahan itu adalah di dalam. Anda menjadi berbeza di dalam.
7. Anda telah belajar dalam sesi lepas bahawa anda telah dijadikan ciptaan yang baru; diri anda yang lama telah ditukarkan kepada diri yang baru yang mana telah diperbaharui dalam imej Allah. Anda telah mengubah dari identiti yang lama kepada yang baru – anda sekarang adalah anak Allah dan pewaris Dia dalam kerajaan-Nya.
8. Tetapi Allah tidak berhenti di situ sahaja. Dia mahu memastikan bahawa anda tahu bahawa anda telah menjadi berbeza. Oleh itu, Dia meletakkan sesuatu di dalam hidup anda yang merupakan bukti objektif bahawa anda telah menjadi berbeza. (*Biar mereka teka apakah ia*)
9. Allah memberikan Roh-Nya untuk hidup di dalam anda. Dialah yang akan menjadikan perbezaan di dalam kehidupan anda. Kita akan lihat apa yang dikerjakan oleh Roh Kudus dalam kehidupan kita.

B. Dimateraiakan di Dalam-Nya (25-30 minit)

(Diperlukan: Alkitab, pengecap getah, buku perpustakaan)

- i. Tunjukkan pengecap getah kepada mereka dan tanya mereka apakah ia dan apakah kegunaannya.
- ii. Tunjukkan juga buku perpustakaan, surat atau apa-apa bahan yang telah dicap. Tanya mereka apa yang dilambangkan dengan cap tersebut.
- iii. Kemudian ringkaskan seperti berikut:

1. Satu Materai Pemilikan (Efesus 1:13)

- a. Biasanya, kita akan mengecap sesuatu dengan pengecap getah untuk menunjukkan bahawa barang tersebut adalah kepunyaan seseorang atau kumpulan tertentu. *(Merujuk kepada buku perpustakaan yang anda tunjukkan kepada mereka tadi)*
- b. Cap pada buku perpustakaan menunjukkan bahawa buku itu dimiliki oleh perpustakaan. Anda boleh meminjamnya tetapi pengesahan pemilikan telah diletakkan pada buku.
- c. *(Suruh mereka membuka Efesus 1:13. Minta seseorang yang baru sahaja menyambut hari ulang tahun untuk membaca ayat itu. Suruh mereka fikirkan apa yang dimaksudkan dengan ayat tersebut)*
- d. Alkitab mengatakan bahawa apabila anda menerima Yesus sebagai Juruselamat, Allah akan memberikan Roh Kudus-Nya sebagai satu materai pemilikan-Nya ke atas kehidupan anda. Dia menandakan anda sekarang adalah milik-Nya.
- e. Anda sekarang berbeza daripada semua orang kerana anda kepunyaan Allah dan Roh Kudus-Nya tinggal di dalam anda.
- f. Ia adalah langkah yang diambil Allah untuk menunjukkan kepada seluruh alam semesta bahawa anda sekarang bukan lagi diri anda sendiri. Anda sekarang adalah milik Allah dan tiada lagi yang dapat mengambil anda daripada Allah. Tuhan sangat mengasihi anda dan tidak lagi mahu berpisah daripada anda.
- g. Bukankah sangat bagus untuk mengetahui bahawa Allah mahu kita menjadi milik-Nya yang sebenar walaupun kita bukanlah manusia sempurna yang paling diidamkan di bumi?

2. Satu Deposit Jaminan (Efesus 1:14)

- a. Jika seseorang berjanji akan memberikan satu juta ringgit kepada anda apabila anda mencapai usia dua puluh satu tahun, apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan bahawa orang itu tidak berbohong terhadap anda? *(Biar mereka respon)*
- b. Satu perkara yang boleh anda lakukan ialah meminta orang itu menandatangani suatu dokumen yang sah. Cara lain adalah dengan meminta sejumlah wang pendahuluan yang besar bagi memastikan dia tidak mungkir janji. Jika orang tersebut mungkir janji, orang tersebut akan kehilangan wang pendahuluan mereka.
- c. Ini adalah apa yang Allah lakukan untuk menunjukkan bahawa Dia serius tentang menjadikan kita pewaris-Nya. Dia memberikan kita Roh Kudus-Nya yang bertindak seperti satu

bayaran pendahuluan.

- d. Roh Kudus tinggal dalam kehidupan kita sebagai jaminan bahawa apabila kita berhadapan dengan Allah, semua kepunyaan-Nya akan turut menjadi milik kita.
- e. Ia sesuatu yang sukar difahami, bukan?

- i. Suruh mereka buka Yohanes 14:15-17,26. Minta orang yang paling muda dalam kumpulan untuk membaca ayat tersebut.
- ii. Minta beberapa orang meringkaskan ayat-ayat yang mengatakan tentang Roh Kudus.
- iii. Kemudian suruh mereka baca Yohanes 16:12-13. Bacakan ayat tersebut untuk mereka.
- iv. Minta beberapa orang untuk meringkaskan dalam satu ayat tentang apa yang mereka pelajari tentang Roh Kudus di sini.
- v. Kemudian, ringkaskan seperti berikut:

3. Pembimbing Kebenaran (Yohanes 14:15-17; 26; 16:12-13)

- a. Yesus menyatakan Roh Kudus sebagai Kaunselor (Pembimbing) kita dan Roh Kebenaran. Dia tinggal di dalam kita dan membimbing kita untuk melakukan apa yang baik.
- b. Bukankah amat bagus mempunyai Allah yang mengajar dan menunjukkan anda sendiri tentang apa yang baik dan benar untuk kehidupan anda?
- c. Kehidupan sebagai muda-mudi tidak semudah itu. Terdapat banyak keputusan dan pilihan yang harus dibuat; terdapat sangat banyak godaan yang anda hadapi. Anda mempunyai ibu bapa yang memberitahu anda untuk pergi ke satu arah, rakan-rakan anda arah yang lain dan media memberitahu bahawa anda boleh mengikut mana-mana arah asalkan anda gembira.
- d. Bagaimana anda tahu apa yang benar dan baik untuk diri anda sekarang atau dalam jangka panjang?
- e. Hanya Allah sahaja yang tahu dan hanya Dia sahaja yang boleh memimpin anda untuk menjalani kehidupan yang lengkap dan bermakna.
- f. Dengan adanya Roh Kudus untuk memimpin dan membenarkan anda, anda boleh menjalani kehidupan ini dalam keyakinan dan perlindungan; dan anda akan yakin bahawa anda sedang menuju ke arah yang benar dalam kehidupan anda.

- g. Alkitab memberitahu kita bahawa sesiapa yang tidak menerima Yesus tidak dapat mengenal Roh Kudus tetapi jika anda menerima Yesus sebagai Juruselamat, anda akan mengenal-Nya kerana Dia tinggal di dalam anda. Anda sekarang telah ditanda buat selama-lamanya sebagai berbeza daripada orang di sekitar anda kerana Roh Allah sendiri tinggal di dalam anda.



Doa

Berterima kasihlah kepada Allah untuk pemberian Roh Kudus-Nya sebagai satu materai pengesahan pemilikan kita kepada-Nya. Minta Dia membantu anda untuk mengenali-Nya dan berdoalah supaya Roh Kudus menuntun dan memimpin anda untuk menjalani kehidupan ini dengan setia dan benar pada setiap hari.

Sesi 4 : Kuasa Untuk Menjadi Sempurna



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Allah mengutus Yesus untuk membebaskan mereka dari kuasa dosa dalam kehidupan mereka.
2. Mengetahui bahawa Yesus turut datang untuk membawa kesembuhan pada kehancuran dalam kehidupan mereka.
3. Merenung apa yang telah mereka pelajari dalam sesi ini tentang Yesus dan akan tercabar untuk memberikan komitmen kepada-Nya.



Pencetus Minat

Mari Cantumkan (10-15 minit)

(Diperlukan: keratan kartun, kertas, gunting, gam, pensel)

Tujuan aktiviti ini adalah untuk memastikan para peserta untuk mencipta jalur kartun mereka sendiri dengan karakter kartun berbeza yang diberikan kepada mereka.

1. Gunting seberapa banyak jalur kartun yang berbeza yang anda boleh dapati dari surat khabar harian.
2. Kemudian gunting dan pisahkan kesemua bingkai daripada setiap jalur. Campur-adukkan kesemuanya.
3. Bahagikan para peserta kepada kumpulan yang terdiri daripada tiga atau empat orang. Edarkan timbunan bingkai kartun, sekeping kertas, gunting, gam dan pensel kepada setiap kumpulan.
4. Terangkan bahawa anda mahu mereka mencipta satu jalur kartun pendek mereka sendiri. Mereka boleh mencampurkannya dan memadamkan mana-mana gambar kartun yang mereka mahu. Minta mereka untuk memotong atau memadamkan semua kotak dialog dan tuliskan dialog mereka sendiri untuk karakter kartun mereka tersebut.
5. Mereka boleh memilih jalan cerita mereka sendiri.
6. Pastikan mereka menggam jalur mereka pada kertas yang telah diberikan dan tuliskan tajuk mereka sendiri.
7. Kemudian minta setiap kumpulan berkongsi jalur kartun mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Walaupun anda harus bekerja dengan campuran karakter kartun

- yang berbeza, anda dapat tampil dengan idea hebat untuk menghasilkan satu jaluran kartun.
2. Anda tidak boleh selalu tampil dengan perkara paling ideal tentang apa yang anda mahukan dengan cebisan-cebisan dan potongan-potongan. Kadang-kadang, anda juga harus membuat penggantian sementara kerana anda tidak mempunyai semua yang anda inginkan. Ada di antara anda yang mungkin inginkan karakter kartun anda dilukis dengan cara berbeza atau dengan air muka yang berlainan tetapi oleh kerana itu sahaja yang diberikan kepada anda, anda tidak mempunyai pilihan lain selain membuat penggantian sementara.
 3. Ia sama seperti sesuatu yang telah rosak. Kalau sesuatu telah rosak, ia bukan mudah untuk menampal atau membaiki dan menjadikannya benar-benar sama dengan yang sebelumnya. Parut atau kesan retakan selalunya akan kelihatan, walaupun ia mungkin cuba disembunyikan dengan bijak.
 4. Dalam beberapa kes, sesuatu tidak dapat dibaiki setelah ia rosak.
 5. Secara tidak langsung, kehidupan kita sama seperti itu. Setiap daripada kita mempunyai kelukaan di dalam kita, iaitu kekecewaan, rasa tidak selamat, kemarahan yang dalam dan lain-lain. Alkitab memberitahu kita bahawa punca utamanya adalah dosa dalam kehidupan kita.
 6. Kerana dosa, masalah-masalah terjadi dalam kehidupan kita sama ada kerana diri kita sendiri atau kerana tindakan orang lain terhadap kita.
 7. Kebanyakan kita menanggung banyak kesakitan di dalam diri kita; sesetengah kita menanggung kepahitan atau dendam terhadap orang lain; ada di antara kita menanggung banyak beban dan kerisauan; ada pula yang hidup dalam banyak ketidakpuasan hati. Bolehkah kita mengelak semua kerosakan ini dan menjadi baru dan dan sempurna semula?
 8. Kita tidak boleh melakukannya untuk kita sendiri dan orang lain. Tetapi Yesus boleh. Itu adalah perkara hebat lain yang Allah lakukan untuk kita melalui Yesus.
 9. (*Bacakan Yohanes 10:10 untuk mereka*) Ini adalah apa yang akan anda ketahui untuk diri anda sendiri dalam sesi ini.

B. Bagaimanakah Kehidupan Anda Sekarang? (15 minit)

- i. Bahagian ini adalah merujuk kepada **Aktiviti Bersama** yang telah mereka lakukan.
- ii. Bahagikan mereka kepada kumpulan 3-5 orang. Suruh mereka berkongsi antara satu sama lain tentang apa yang

telah mereka tulis.

iii. Carta Markah

0 – 40

Agak Menyedihkan! Anda benar-benar perlu memikirkan dengan serius tentang kehidupan anda!

41 – 70

Ikut Majoriti! Kebanyakan orang termasuk dalam kategori ini. Anda sememangnya manusia yang normal!

71 – 100

Terbang Tinggi! Anda jauh lebih baik berbanding kebanyakan orang. Nampaknya kehidupan anda lebih sempurna!

iv. Ringkaskannya seperti berikut:

1. Jika kita jujur dengan diri kita sendiri, kebanyakan kita tidak mempunyai satu kehidupan yang sempurna.
2. Kita mempunyai masalah-masalah tersendiri, ketakutan, rasa tidak selamat dan luka.
3. Kebanyakan kita kelihatan bagus hanya dari luaran. Tetapi jauh ke dalam, banyak perkara yang mengaburi hati dan fikiran kita. Hal ini kadang-kadang membuatkan kita berasa tidak puas hati atau damai dengan kehidupan kita.
4. Bagi sesetengah orang, ia lebih teruk lagi. Mereka mendapati bahawa mereka tidak boleh menangani beban banyak yang mereka hadapi. Orang-orang seperti ini boleh mencetuskan banyak masalah kepada diri sendiri sama ada dengan menuju ke arah kekecewaan ataupun ingin melakukan sesuatu perkara yang boleh membawa kehancuran kepada kehidupan mereka.
5. Salah satu perkara yang Yesus katakan adalah Dia datang untuk memberikan kehidupan yang penuh. Pada pendapat anda, apakah maksud Yesus itu? (*Biar mereka respon*)
6. Mari kita bacakan Ayat-ayat Alkitab dan lihat sama ada kita dapat mengetahui apa yang Yesus ingin lakukan dalam kehidupan kita.
7. (*Suruh mereka buka ke Yesaya 61:1-3, dan bacakan secara bergiliran*)
8. Ringkaskannya seperti berikut:

1. Yesus Datang untuk Membawa Kebebasan (Yesaya 61:1-2)

- a. Alkitab memberitahu kita bahawa Yesus datang untuk membawa berita baik tentang keselamatan bagi yang miskin,

iaitu kepada sesiapa yang miskin secara kebendaan dan juga miskin secara rohaniah. Miskin secara rohaniah bererti mereka yang mengenali dan sedar bahawa mereka memerlukan Tuhan dalam kehidupan mereka.

- b. Menurut Yesaya, kita sama seperti tahanan, banduan-banduan yang dalam kegelapan, iaitu kita berada di bawah kuasa dosa.
- c. Kematian Yesus telah membebaskan kita daripada kuasa dosa, dari melakukan apa yang bertentangan dengan Allah. Dengan adanya Roh Kudus-Nya dalam kita, kita sekarang memiliki kuasa untuk tidak berdosa.
- d. Ini bermakna anda tidak perlu lagi hidup menurut corak dan tabiat lama anda. Jika terdapat bahagian atau tabiat dalam kehidupan anda yang tidak menggembirakan dan yang mahu anda tinggalkan, ketahuilah bahawa Yesus boleh membebaskan anda daripada semua itu. Anda tidak perlu lagi dikawal oleh diri anda yang lama.
- e. Yesus telah membuka jalan bagi anda untuk menjalani kehidupan baru. Roh Kudus yang tinggal di dalam anda akan memberikan kuasa kepada anda untuk menjalani kehidupan menurut sifat baru yang Allah telah berikan kepada anda.
- f. Anda sekarang telah bebas untuk menjalani kehidupan yang Tuhan telah rancang semasa Dia mencipta anda. Ia adalah kehidupan yang sempurna – kehidupan yang bermakna dan itu akan membantu anda mencapai keupayaan yang lengkap sebagai seorang manusia.

2. Yesus Datang untuk Membawa Kesembuhan (Yesaya 61:1, 3)

- a. Alkitab memberitahu kita bahawa Allah juga mengutus Yesus untuk menyembuhkan hati yang hancur dan untuk menghibur mereka yang berkabung. Yesus datang untuk membawa kesembuhan dan sukacita ketika menghadapi kesedihan dan kesakitan.
- b. Oleh kerana Allah mengasihi anda, Dia tidak mahu anda menjalani kehidupan yang penuh dengan kesakitan dan kekecewaan. Keinginan-Nya adalah agar anda dipenuhi dengan sukacita-Nya bukan kesedihan dan perkabungan.
- c. Ini tidak bermakna bahawa anda tidak akan menghadapi masalah dalam kehidupan anda.
- d. (*Bacakan Matius 11:28 kepada mereka*) Yesus mahu anda membawa beban dan kesusahan anda kepada-Nya agar anda tidak perlu menanggungnya seorang diri.

- e. Dia mahu membawa kesembuhan kepada kesakitan dan luka di dalam hati anda dan memberikan sukacita-Nya di tengah-tengah kesedihan anda.
- f. Sebagai anakNYa, Tuhan mahu anda menjalani kehidupan yang penuh dengan kehadiran dan sukacita-Nya. Dia tidak mahu anda menjalani kehidupan yang penuh dengan ketiadaan harapan dan putus asa. Dia mahu kehidupan anda memberikan pujian bagi Dia kerana Dia adalah Allah anda.
- g. Terdapat banyak orang yang boleh membuktikan kenyataan bahawa Yesus telah membawa banyak kesembuhan ke dalam kehidupan mereka. Kuasa dan kasih-Nya telah membantu dalam memperbaiki kehidupan mereka dan membolehkan mereka menjalani kehidupan baru yang bebas dari kelukaan lepas mereka.
- h. *(Suruh mereka buka Yohanes 14:27 dan 16:33. Minta salah seorang untuk membacakan ayat tersebut)*
- i. Anda tidak perlu berjalan dengan membawa kesemua kelukaan, kemarahan atau kepahitan di dalam hidup anda. Tuhan mahu membebaskan anda dari semua ini dan memberikan anda damai sejahtera-Nya.
- j. Kehidupan anda tidak akan terasa tidak bermakna, sepi atau sakit lagi. Tuhan tinggal di dalam anda untuk menyembuhkan anda dan menjadi sumber kedamaian dan sukacita anda.
- k. Tiada seorang pun yang benar-benar dapat melakukannya untuk anda – bukan ibu bapa anda, rakan baik anda, suami atau isteri anda. Hanya Yesus yang boleh membawa kesembuhan terhadap kelukaan dan kedukaan dalam kehidupan anda dan memberikan anda kehidupan yang penuh di dalam-Nya



Renungan Peribadi

Pilihan Ada di Tangan Anda (5 minit)

1. Beritahu bahawa sekarang, anda mahu mereka menggunakan sedikit masa untuk berfikir sedalam-dalamnya bukan sahaja tentang apa yang mereka dengar pada hari ini, tetapi juga tentang apa yang mereka telah pelajari sepanjang sesi ini.
2. Kaji semula apa yang Allah telah lakukan untuk mereka melalui Yesus Kristus.
3. Kemudian terangkan bahawa Yesus telah mati untuk membebaskan

setiap orang daripada dosa dan membawa mereka kembali untuk mengenali Allah yang telah mencipta mereka dan yang mengasihi mereka. Tanya sesiapa yang belum menerima Tuhan sebelum ini, sama ada mereka berhasrat untuk menerima hadiah kehidupan yang telah Allah tawarkan ini atau tidak.

4. Terangkan apa yang dimaksudkan dengan menerima Yesus dan selepas itu, pastikan mereka mengikut anda berdoa dan anda memimpin mereka untuk meminta dari Allah untuk menjadi Juruselamat mereka. Minta semua orang yang lain untuk terus menundukkan kepala dan terus berada dalam sikap berdoa sepanjang sesi tersebut.
5. Anda mungkin mahu meminta sesiapa yang telah berdoa bersama anda tadi untuk tunggu selepas itu agar anda boleh memberikan penerangan kepada mereka tentang apa yang telah mereka lakukan atau jika mereka mempunyai sebarang pertanyaan.
6. Kemudian minta mereka yang telah menerima Yesus untuk memikirkan apa yang telah mereka pelajari pada hari ini.
7. Minta mereka untuk merenungkan sama ada mereka masih dalam kelukaan, kemarahan, kepahitan, kekecewaan atau kegelisahan dalam kehidupan yang mengganggu mereka. Beritahu mereka bahawa Yesus telah datang untuk membebaskan mereka daripada semua ini dan membawa kesembuhan untuk mereka. Apa yang mereka perlu lakukan ialah menyerahkan perkara ini kepada Yesus dan untuk meminta-Nya menyembuhkan mereka. Walau bagaimanapun, mereka perlu patuh untuk mengikut Yesus kerana Dia akan menunjukkan mereka apa yang perlu mereka lakukan.
8. Minta semua orang untuk menundukkan kepala dan menyerahkan pergelutan mereka kepada Yesus.
9. Kemudian doakan para peserta agar Allah akan mendengar suara hati mereka dan akan menjawab apa yang mereka minta daripada-Nya. Doakan agar kesejahteraan dan keberkatan-Nya menyertai mereka ketika mereka bersungguh-sungguh untuk menjalani kehidupan baru yang telah diberikan-Nya ini.



Doa

Sama-sama kita memberikan berkat damai sejahtera Allah kepada satu sama lain. Mulakan dengan mengucapkan “Berkat Tuhan menyertaimu, (nama)” sambil bersalaman.

Sesi 5 : Perang Melawan Dunia



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa kehidupan orang Kristian adalah seperti mereka hidup dalam satu medan peperangan.
2. Mempelajari bahawa Alkitab memberi amaran kepada mereka untuk tidak mengasihi dunia dan semua yang ditawarkannya kepada mereka.
3. Membincangkan apa erti untuk tidak mengikuti cara dan jalan dunia.
4. Memikirkan bahagian pergelutan mereka yang terbesar dan membantu antara satu sama lain untuk tampil dengan jalan penyelesaian.



Pencetus Minat

Mari Mulakan Peperangan

(Diperlukan: Kapur atau label, senarai soalan atau tugas, dadu)

Tujuan aktiviti ini adalah untuk melihat angkatan tentera manakah yang akan menguasai dunia (permainan ini sesuai dimainkan dalam kumpulan orang yang banyak).

1. Bahagikan para peserta kepada dua atau lebih kumpulan, setiap kumpulan mewakili satu angkatan tentera.
2. Pastikan mereka memilih nama dan seorang panglima untuk kumpulan mereka.
3. Tandakan enam benua di atas lantai dengan sebatang kapur atau dengan label yang telah disediakan dengan nama: Asia, Amerika Utara, Amerika Selatan, Eropah, Australia, Afrika. Anda mungkin mahu mengurangkan jumlahnya jika bilangan orang yang bermain sedikit.
4. Terangkan bahawa tujuan permainan ini adalah untuk menguasai seluruh dunia atau paling kurang untuk mempunyai kebanyakan benua di bawah kekuasaan mereka. Permainan ini dimainkan dalam cara berikut (satu adaptasi daripada permainan “Risk”):
5. Mulakan permainan dengan memastikan setiap angkatan tentera memilih benua sebagai markas. Mana-mana benua yang tiada orang boleh dibahagikan secara sama rata atau dengan panglima-panglima bermain permainan batu-gunting-kertas untuk menentukan siapa yang akan mendapat benua tambahan tersebut.
6. Panglima boleh menentukan jumlah tentera yang dia mahukan dalam benuanya.
7. Pilih satu angkatan tentera untuk memulakan permainan. Kemudian

- panglima angkatan tentera tersebut akan memilih angkatan tentera lain untuk diserang.
8. Pastikan kedua-dua panglima menghantar keluar seorang tentera setiap kali ingin memasuki medan peperangan.
 9. Tentera-tentera boleh berlawan dengan cara berikut bergantung dengan apa yang anda pilihkan untuk mereka. Sebagai contoh, anda boleh menyuruh mereka menjawab soalan dari senarai soalan yang mudah ('Ada berapa saat dalam satu jam?'); atau menyuruh mereka untuk bertanding dalam tugas yang mudah (bermain permainan batu-gunting-kertas; lihat siapa yang mempunyai lidah yang paling panjang, dsbnya); atau minta mereka melempar dadu dan lihat siapa yang mendapat nombor terbesar; dan lain-lain.
 10. Tentera yang kalah akan terkeluar daripada permainan dan tempatnya akan diambil oleh tentera yang telah menang.
 11. Panglima bagi tentera yang menang kemudiannya akan terus berperang dengan memilih angkatan tentera yang ingin dilawannya dan sesebuah benua yang telah diduduki oleh tentera atau tentera-tenteranya.
 12. Matlamat permainan adalah untuk mengalahkan tentera musuh dalam setiap benua dan menggantikan mereka dengan tentera-tenteranya.
 13. Pemenang adalah angkatan tentera yang menguasai benua terbanyak ataupun angkatan tentera yang mempunyai banyak tentera yang tinggal pada akhir permainan.
 14. Jika anda tidak mempunyai orang yang mencukupi, anda boleh menggunakan objek-objek untuk mewakili tentera dan kemudiannya melakukan peperangan dengan menggunakan dadu untuk menentukan pihak mana yang menang.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Peperangan bukanlah mudah untuk dimenangi, bukan? Walaupun hanya untuk peperangan pura-pura seperti apa yang telah anda mainkan sebentar tadi. *(Biar mereka respon)*
2. Selalunya peperangan atau pertempuran adalah tentang apa? *(Biar mereka respon)*
3. Peperangan biasanya berjuang tentang isu kuasa dan pengawalan. Walaupun ia hanya pertempuran kecil, sama ada ia melibatkan paksaan fizikal atau tidak, ia tetap melibatkan isu kuasa atau pengawalan.
4. Anda bertengkar dengan orang lain kerana anda perlu membuktikan bahawa anda benar dan orang lain adalah salah. Ia adalah isu tentang siapa yang mahu mengawal.
5. Dalam satu perlawanan, ia lebih jelas bahawa seseorang ingin

- menguasai dan memegang semua kuasa.
6. Peperangan meletus juga kerana sebab-sebab asas yang sama. Negara-negara mahu menjadi kuasa dominan. Mereka mahu yang lain menjadi subjek pemerintahan dan pengawalan mereka.
 7. Alkitab menggunakan imej peperangan untuk menggambarkan kehidupan seorang Kristian.
 8. Paulus memanggil kita askar tentera Yesus Kristus. Dan sebagai askar, kita dipanggil untuk menjalani kehidupan dalam kepatuhan kepada pegawai tentera kita yang memerintah, iaitu Yesus Kristus.
 9. Untuk mengakui Yesus Kristus sebagai Juruselamat dan Tuhan, kita sebenarnya telah mendaftar masuk angkatan tentera-Nya sama ada kita tahu atau tidak.
 10. Peperangan sebenar bukan peperangan di dunia tetapi ia adalah kehidupan Kristian.
 11. Sekiranya kita berada dalam peperangan, kita perlu tahu siapa musuh-musuh kita. Kita juga perlu tahu sifat peperangan jika kita mahu terus selamat dan muncul sebagai pemenang.
 12. Pada pendapat anda, kenapakah kita dipanggil untuk berperang sebagai orang Kristian? Siapakah atau apakah yang cuba untuk mengawal dan mendominasi kehidupan kita? (*Biar mereka respon*)
 13. Perjanjian Baru berbicara tentang empat medan pertempuran yang orang Kristian sebagai askar Kristus harus hadapi: dunia, daging, iblis dan kematian.
 14. Ini yang akan kita pelajari bersama di 4 sesi akan datang ini – peperangan yang kita harus hadapi sebagai pengikut Kristus.
 15. Dalam sesi hari ini, kita akan berbicara tentang bagaimana kita harus menghadapi medan pertempuran yang pertama – dunia.

B. Medan Pertempuran

1. Alkitab berbicara tentang dunia dalam tiga cara, iaitu:
 - a. **Dunia Fizikal** (Mazmur 24:1)
 - i. Perkataan 'dunia' di sini merujuk kepada dunia yang telah dicipta, yang digambarkan dalam Perjanjian Lama sebagai 'segala perkara' atau 'syurga dan bumi'.
 - ii. Ia adalah dunia fizikal yang telah diciptakan Allah dari permulaan lagi di Kejadian.
 - b. **Dunia Manusia** (Yohanes 3:16)
 - i. Oleh kerana manusia adalah bahagian paling penting dalam alam semesta ciptaan Allah, perkataan 'dunia' juga selalunya digunakan dalam untuk merujuk kepada manusia.
 - ii. Dalam Yohanes 3:16, oleh kerana Allah mengasihi dunia, lelaki dan wanita yang telah diciptakan-Nya, Dia mengutus Anak-Nya untuk mati bagi dosa-dosa mereka.
 - c. **Dunia 'Keduniaan'** (1 Yohanes 2:15-17)

- i. Perkataan 'dunia' juga membawa maksud 'duniawi' dalam penulisan Rasul Yohanes.
 - ii. Ia merujuk kepada cara lelaki dan wanita yang menjalani kehidupan menurut kebijakan mereka dan memuaskan keinginan mereka.
 - iii. Ia adalah cara kehidupan beserta nilai, sasaran dan gaya hidup yang tiada tempat untuk Allah.
2. Dunia manakah yang kita harus perang? *(Biar mereka respon)*
3. Alkitab mengingatkan kita untuk tidak mengasihi dunia seperti yang dinyatakan dalam 1 Yohanes. Ini adalah dunia yang kita harus perang.
4. Apa yang ada pada dunia yang kita harus tentang/lawan/perang ini? *(Biar mereka respon)*
5. *(Suruh mereka buka 1 Yohanes 2:15-17 semula. Minta seseorang untuk membacakan petikan tersebut)*
6. Yohanes menyatakan ada tiga keinginan atau hawa nafsu: keinginan daging atau hawa nafsu manusia berdosa, keinginan mata dan keinginan keangkuhan atau bercakap besar tentang apa yang dia ada dan yang dia lakukan.
7. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan 'hawa nafsu/keinginan'? *(Biar mereka respon)*
8. Hawa nafsu bermaksud keinginan yang dijadikan sebagai tuhan. Sebagai contoh, makan dan suka makan adalah tabiat normal yang sihat. Walau bagaimanapun, sekiranya saya hidup hanya untuk makan, dan menjadikannya sebagai sasaran hidup saya yang utama dalam kehidupan, maka saya bakal mempunyai keinginan daging untuk makanan. Ia telah menyimpang jauh daripada garisan sempadan yang normal dalam keinginan kesihatan. Jadi, gelojoh itu adalah satu keinginan/nafsu yang harus diperangi.
9. Keinginan mungkin adalah hamba kita, tetapi keinginan juga boleh bertukar menjadi tuan kita.
10. Pada pendapat anda, mengapakah kita dipanggil untuk melawan tiga jenis keinginan dan hawa nafsu dunia? *(Biar mereka respon)*
11. Jika kita tidak bangkit lebih tinggi daripada keinginan dan menguasainya, ia akan menguasai kita. Ia akan menjadi tuhan-tuhan kita dan mengarah kita jauh dan semakin jauh daripada kasih kita untuk Allah.

C. Sang Musuh

1. Keinginan Daging

- a. Keinginan daging bermaksud keinginan selera fizikal anda: keseronokan, kelaparan, kehausan, tidur, seks, senaman, dan lain-lain.
- b. Selera fizikal sendiri adalah baik dan sememangnya perlu

dipuaskan. Ia adalah bahagian semula jadi dalam kehidupan kita sebagai manusia untuk membolehkan kita bertumbuh dan menikmati semua yang telah Allah jadikan untuk kita.

- c. Walau bagaimanapun, kita hidup dalam zaman di mana sasaran utama kehidupan adalah untuk memuaskan keinginan dalam diri kita dan mencari keseronokan untuk diri kita sendiri. Sebagai contoh, ada orang yang gemar makan banyak sehingga makanan itu menjadi tuhan mereka. Yang lain adalah kesihatan dan kehebatan bentuk badan.
- d. Keinginan selera fizikal telah menjadi tuhan yang kita cari dan muliakan kerana keseronokan yang kita inginkan daripadanya.

2. Keinginan Mata

- a. Keinginan mata merujuk kepada nafsu untuk melakukan apa yang kita lihat atau tertarik.
- b. Apa yang anda lihat, anda suka dan apa yang anda suka, anda mahu.
- c. Tidak salah untuk menyukai atau menginginkan sesuatu dalam diri mereka. Tambahan pula Allah telah menciptakan segala sesuatu di dalam dunia untuk keseronokan kita.
- d. Walau bagaimanapun, keghairahan untuk menginginkan atau memiliki sesuatu akan membawa kita jauh daripada Sang Pencipta. Hal ini kerana perkara-perkara yang anda inginkan atau anda ingin miliki menjadi lebih penting daripada Allah.
- e. Ini adalah bahagian godaan dan pertempuran yang amat besar dalam dunia hari ini kerana terdapat sangat banyak perkara di luar sana (dunia) yang sangat menggoda mata kita. Berjalan sahaja ke mana-mana pusat membeli-belah dan lihat apa yang mata anda temui!

3. Keinginan Keangkuhan

- a. Keangkuhan adalah mengenai ketidakanggupan manusia untuk menerima kebergantungannya terhadap Allah dan kecenderungannya untuk menjadikan dirinya sendiri tuhan dan raja.
- b. Ia menyatakan dirinya dalam cita-cita dan selalu meletakkan 'saya' yang pertama sebelum perkara-perkara lain.
- c. Keangkuhan adalah suatu dosa yang Allah kutuk dengan keras dalam Perjanjian Lama (Amsal 16:5). Keangkuhan membangkitkan kita untuk menentang Allah kerana ia membuatkan kita berfikir bahawa kita tidak memerlukan Tuhan.
- d. Kita menjadikan diri kita sendiri sebagai tuhan dan menentukan takdir kita.

D. Peperangan

- i. Pastikan mereka kekal dalam kumpulan yang sama.
- ii. Minta mereka membuka 1 Yohanes 2:15-17 semula dan bincangkan yang berikut:

*Yohanes memanggil kita untuk tidak mengasihi cara dunia.
Bagaimana kita dapat melakukannya?*

- iii. Kemudian suruh seorang wakil daripada setiap kumpulan untuk berkongsi hasil dapatan mereka.
- iv. Minta mereka buka Roma 12:1-2 dan bacakan petikan tersebut.
- v. Ringkaskan seperti berikut, buat rujukan daripada butiran-butiran yang mereka bangkitkan yang mana berkaitan.

1. Tidak Menjadi Serupa Dengan Dunia (Roma 12:1-2)

- a. Sebagai orang Kristian, kita tidak dapat menjauhkan diri daripada berhubung dengan orang-orang bukan Kristian atau segala sesuatu di dalam dunia ini untuk mengelakkan kita daripada terpengaruh oleh mereka.
- b. Kita ada di dalam dunia tetapi kita bukan berasal dari dunia (Yohanes 17:11,16). Maksudnya, kita hidup di dalam dunia tetapi kita tidak perlu mengikut cara-cara dan nilai-nilainya.
- c. Walaupun dunia terus-menerus menghujani kita dari setiap sudut dengan pengaruhnya, Paulus memberitahu kita bahawa kita harus menolak.
- d. Kita tidak seharusnya menurut cara dan pengaruh dunia (Roma 12:2). Dalam erti kata lain, 'Jangan biarkan dunia menekan kita ke dalam acuannya.'
- e. Ia adalah pilihan yang harus kita buat sama ada kita mahu berjuang untuk diri kita untuk mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan hal keduniaan di sekeliling kita atau tidak.
- f. Sebagai askar Kristus, kita harus memilih pihak mana yang kita mahu sebelahi meskipun ia mungkin berat. Kita harus memilih untuk tidak menurut, tidak mengikut orang ramai apabila kita tahu ia tidak benar atau menyenangkan Allah.
- g. Tidak semua di dalam atau berasal dari dunia itu salah, atau terkeluar daripada rancangan dan tujuan Allah. Kita harus belajar untuk melihat apa yang neutral dan apa yang sememangnya akan membawa kita jauh daripada kehendak Tuhan dalam kehidupan kita.
- h. Roh Kudus tinggal di dalam kita dan kita boleh berpaling kepada-Nya untuk mendapatkan kebijaksanaan dan kuasa bagi membolehkan kita tidak menurut kehendak dunia.

2. Berubahlah (Roma 12:1-2)

- a. Bahagian pertama peperangan terletak dalam gelanggang kita

- kita memilih untuk mematuhi apa yang kita tahu ia adalah benar, biarpun kita sering gagal.
- b. Bahagian kedua adalah bahagian Tuhan. Paulus berkata bahawa kita akan diubah melalui pembaharuan fikiran kita.
- c. Memandangkan kita memilih untuk menurut apa yang benar, Allah akan mengubah kita dengan memperbaharui fikiran kita untuk berfikir tentang kehendak-Nya bagi kita.
- d. Dan fikiran yang telah diperbaharui akan dapat melihat bahawa kemahuan Allah sentiasa baik, boleh diterima dan sempurna.
- e. Martin Luther, seorang pendeta Jerman yang terkenal pernah berkata bahawa kita tidak boleh menghalang burung daripada terbang di atas kepala kita tetapi kita boleh menghalangnya daripada bersarang di kepala kita. Anda tidak boleh menghalang godaan atau pengaruh dunia daripada menghujani anda tetapi anda boleh menghalang semua itu daripada berakar di dalam kehidupan anda.
- f. Apabila kita terus berjalan dalam kepatuhan, Tuhan akan terus menguduskan fikiran dan hati kita serta membantu kita untuk bertumbuh dalam karakter kealiman dan kekudusan.
- g. Fikiran yang baru akan melahirkan individu baru dalam Kristus.
- h. Bagaimanapun, pembaharuan ini bukanlah tindakan untuk sekali sahaja. Ia adalah pembaharuan dan perubahan harian oleh Allah untuk membentuk kehidupan baru di dalam kita yang merupakan tujuan Allah untuk kita (2 Korintus 3:18).



Doa

Serahkan diri anda kepada Tuhan. Berdoalah agar Dia berbelas kasihan kepada anda terutama sekali ketika anda bergelut untuk tidak menurut cara dunia. Minta Dia memberi anda kuasa untuk menjalani kehidupan dengan kepatuhan dan keakuran yang besar kepada-Nya.

Sesi 6: Perang Melawan Kedagingan



Objektif-Objektif Sesi

1. Memeriksa adakah mereka mengalami konflik antara apa yang mereka mahukan dengan apa yang mereka fikir Allah mahukan daripada mereka.
2. Menyedari bahawa mereka dipanggil untuk hidup dalam Roh dan tidak menyerah kepada kemahuan sifat berdosa mereka.
3. Mempelajari bahawa mereka harus membenarkan Roh Kudus untuk bekerja di dalam kehidupan mereka dan berbuah di dalam-Nya sesuai dengan masa-Nya.
4. Memikirkan sedalam-dalamnya tentang pergelutan terbesar mereka dan buah apakah yang mereka ingin lihat Allah tumbuhkan dalam kehidupan mereka.



Pencetus Minat

Hal untuk Terus Hidup

Tujuan aktiviti ini adalah untuk membuatkan para peserta untuk mengetahui beberapa tabiat dan cara mereka melakukan sesuatu perkara.

1. Bahagikan para peserta kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada empat atau lima orang.
2. Kongsikan senario berikut dengan mereka:

Anda telah dihantar untuk menyertai kursus “*survival*” di sebuah pulau yang tidak dihuni di Lautan Selatan. Kumpulan anda terdiri daripada lima orang – bekas tentera laut (lelaki tegap besar dengan muka yang bengis), penari (langsing, rapi dan dungu), tukang masak (gemuk pendek dengan senyuman licik) dan doktor (kurus, cepat gelisah dengan kaca mata yang sering tergelincir di hidungnya), dan anda sendiri.

3. Kemudian tanya soalan berikut kepada mereka.
 - Apakah perkara pertama yang akan anda lakukan setelah sampai di pulau itu?
 - Sekiranya anda harus memilih tugas-tugas berikut, yang manakah yang akan anda pilih: menggali lubang tandas; membina tempat berteduh; mengembara di dalam hutan untuk mencari sumber air; pergi memburu atau menangkap ikan untuk makanan. Berikan alasan-alasan anda.
 - Sekiranya tiada program yang tetap untuk anda, apakah

yang anda fikirkan akan anda lakukan pada setiap hari?

- Jika anda harus memilih pasangan untuk melakukan sesuatu tugas bersama-sama, siapakah yang akan anda pilih? Berikan alasan-alasan anda.

4. Suruh mereka kongsi jawapan mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kita dapat mengetahui beberapa perkara tentang diri kita apabila kita diletakkan dalam situasi yang baru, bukan?
2. Suatu perkara yang paling kita akan ketahui adalah bukan mudah untuk mengubah cara kita yang lama dalam melakukan sesuatu perkara.
3. Kebanyakan kita lebih suka untuk terus dengan perkara yang selesa dengan kita daripada mengambil risiko untuk mencuba perkara-perkara baru. Kita juga lebih memilih untuk bekerja dengan orang yang tidak membuatkan kita berasa tidak selesa. *(Rujuk pada perbincangan mereka apa yang ingin mereka lakukan dan orang yang akan mereka pilih sebagai pasangan mereka)*
4. Kebanyakan kita juga akan kembali pada tabiat dan aktiviti lama kita. *(Rujuk pada apa yang mereka katakan mereka akan lakukan setiap hari jika mereka ditinggalkan dengan cara mereka sendiri)*
5. Kita mengelakkan perubahan dan kita menghindar daripada diletakkan dalam situasi yang sukar.
6. Dalam cara yang sama, kita juga cuba menghindari perubahan dalam kehidupan Kristian kita.
7. Apabila kita menjadi orang Kristian, kita disuruh meninggalkan cara lama kita dan mengikut Kristus.
8. Walau bagaimanapun, kebanyakan kita mendapati bahawa begitu sukar untuk berubah daripada yang lama kepada yang baru, bukan? *(Biar mereka respon)*
9. Kehidupan kita adalah satu perjuangan yang berterusan antara diri kita yang lama dengan yang baru; antara tabiat dan cara lama dalam melakukan sesuatu sebelum kita menjadi orang Kristian dengan cara baru yang hidup sebagai umat Allah.
10. Bagaimanakah kita boleh hidup dalam kemenangan mengalahkan diri kita yang lama?
11. Inilah yang akan kita bincangkan dalam sesi hari ini.

B. Perang Melawan Kedagingan

1. Pergelutan Dalam

- a. Kita semua bergelut dalam melakukan apa yang kita mahu dan apa yang Allah mahukan, bukan?
- b. Kita tahu apa yang benar untuk dilakukan tetapi kita mendapati sungguh sukar untuk melakukannya (*anda mungkin mahu mereka membacanya dalam Roma 7:15-25*).
- c. Pada pendapat anda, mengapakah berlaku pergelutan yang sengit dalam diri kita? (*Biar mereka respon*)

- i. Suruh mereka baca Galatia 5:16-21 dalam kumpulan masing-masing.
- ii. Kemudian minta mereka untuk membincangkan yang berikut:
- iii. Pada pendapat anda, apakah yang Paulus maksudkan dengan perkataan 'sifat berdosa' (dalam terjemahan lain perkataan tersebut adalah 'daging')?
- iv. Mengapakah sifat berdosa ini mempunyai konflik dengan Roh Allah?
- v. Kemudian ringkaskan seperti berikut, buat rujukan daripada butiran-butiran yang mereka telah bangkitkan yang mana berkaitan.

2. Kedagingan

- a. 'Daging' atau 'sifat berdosa' merujuk kepada sifat manusia yang telah dicelakakan oleh dosa.
- b. Ia merujuk kepada diri kita yang lama – tabiat dan rasa hati kita yang lama, cara berfikir dan karakter – yang tinggal jauh daripada Allah.
- c. Paulus berkata bahawa jika kita mengikut kemahuan daging, kita akan hidup dalam cara yang menentang sifat Allah. (*Rujuk pada Galatia 5:19-20*)

3. Konflik

- a. Alkitab memberitahu kita bahawa Roh Allah tinggal di dalam kita yang sudah berpaling kepada-Nya dalam pertaubatan dan menerima kebenaran untuk menjadi anak-anak-Nya.
- b. Walaupun Roh Kudus sekarang tinggal di dalam kita, sifat berdosa kita iaitu tabiat dan rasa hati kita yang lama, karakter dan cara pemikiran kita yang lama, masih merupakan sebahagian daripada kita.
- c. Oleh itu, terdapat konflik di antara kedua-dua sifat yang berlawanan itu. Roh Allah mahu kita menjalani kehidupan menurut tujuan Allah. Daging kita secara semula jadinya mahu menjalani kehidupan yang bertentangan dengan apa yang

Tuhan mahukan untuk kita.

- d. Oleh yang demikian, kehidupan Kristian kita menjadi suatu pergelutan untuk meninggalkan diri kita yang lama dan untuk menjalani kehidupan di bawah pemerintahan Kristus.
- e. Pertukaran untuk menjadi seperti Kristus telah bermula tetapi ia hanya akan lengkap apabila Yesus datang kembali.
- f. Dalam masa yang sama, kita terpaksa menjalani kehidupan dalam pergelutan antara menurut Roh Allah dan menurut sifat berdosa kita.

4. Realiti

- a. Walaupun kita telah mati bersama Kristus, kita tetap jatuh ke dalam dosa dari masa ke masa. Kita sering hidup seperti kita tidak pernah ditebus dan tidak mempunyai Roh Allah yang tinggal di dalam kita.
- b. Paulus berkata bahawa kehidupan sedemikian tidak konsisten dengan kehidupan baru yang telah diberikan oleh Roh kepada kita. Kita boleh hidup tanpa menurut daging dan cara lama kita. Bagaimanakah itu memungkinkan menurut Paulus? (*Biar mereka respon*)
- c. Paulus menyuruh kita untuk hidup dengan Roh jika kita mahu memenangi perang menentang kemahuan menurut daging kita.
- d. Bagaimanakah kita boleh 'hidup dengan Roh'? (*Biar mereka respon*)

C. Kemenangan Dalam Roh

Hidup atau berjalan dengan Roh bermaksud patuh untuk menurut Roh Kudus. Hal ini melibatkan dua perkara:

- a. Di sisi negatif, ia bermaksud tidak menetapkan fikiran dan hati kita pada hal-hal menurut kehendak daging.
- b. Di sisi positif, ia bermaksud menetapkan fikiran dan hati kita pada hal-hal Roh.

1. Meyalibkan Kedagingan (Galatia 5:16-21; Roma 8:5-8)

- a. Jika kita menetapkan fikiran kita pada apa yang dimahukan oleh daging, kita akan hidup menurut daging.
- b. Paulus berkata bahawa fikiran manusia berdosa bermusuhan dengan Allah dan jalan-Nya – kita melakukan hal yang kita suka berbanding hal yang menyenangkan Allah (Roma 8:6-8).
- c. Apakah kemahuan daging yang tidak menyenangkan Allah? (*Biar mereka respon*)
- d. (*Rujuk semula pada apa yang telah dibincangkan dalam Sesi 5*)
- e. Untuk hidup menurut Roh Allah di dalam kita, kita harus

memalingkan fikiran kita daripada apa yang kita tahu tidak akan menyenangkan Allah.

- f. Bagaimanakah anda dapat memalingkan fikiran anda daripada kemahuan tersebut? (*Biar mereka respon*)

2. Terus Berjalan Dalam Roh (Gal. 5:22-26; Roma 8:9-14; Filipi 4:8)

- a. Jika kita tidak mahu berjalan menurut keinginan daging, kita harus berjalan dalam Roh Allah.
- b. Apakah hal-hal Roh? Bagaimanakah anda menetapkan fikiran untuk semua itu? (*Biar mereka respon. Pastikan mereka membuka Filipi 4:8*)
- c. Hal-hal Roh adalah hal-hal yang selaras dengan tujuan Allah dan yang menyenangkan-Nya. Hal-hal tersebut adalah apa-apa yang betul, mulia, benar, suci, baik dan bagus (Filipi 4:8).
- d. Paulus mengingatkan kita dengan jelas dalam Roma bahawa jika Roh Allah sesungguhnya tinggal di dalam kita, kita harus melepaskan kekangan kehidupan kita kepada-Nya (Roma 8:9).
- e. Ini termasuklah membiarkan Dia mengawal segala-galanya yang ada pada diri kita – fikiran, hati, roh dan tubuh kita.
- f. Sekiranya kita membiarkan-Nya mengawal hidup kita, Dia akan menumbuhkan buah-Nya di dalam kehidupan kita.
- g. Bagaimanakah kita dapat membiarkan Roh mengawal kehidupan kita dan tidak membiarkan sifat berdosa mendominasi kehidupan kita? (*Biar mereka respon*)
- h. Kita perlu belajar untuk menetapkan fikiran dan hati kita ke atas hal-hal Allah.
- i. Kita perlu belajar untuk menjadi sensitif terhadap apa yang Roh ajarkan kepada kita dan terhadap apa yang dilakukan-Nya dalam kehidupan kita. Setelah itu, kita perlu memberikan respon dengan menurut-Nya, berjalan bersama-Nya kerana Dia dengan lembut akan memimpin kita dalam semua yang kita lakukan.
- j. Apabila kita mulai hidup dalam kepatuhan, Roh akan menghasilkan buah-Nya di dalam kehidupan kita dan memberikan kita kuasa untuk menjalani kehidupan kita dalam kekudusan yang besar.
- k. Sehingga Yesus Kristus datang kembali dan menjadikan kita sempurna di dalam-Nya, kita tidak akan pernah berhenti untuk mengalami tekanan dan pergelutan antara sifat lama kita dan Roh di dalam kita.
- l. Walau bagaimanapun, janji Alkitab adalah kita tidak perlu ditewaskan dengan sifat berdosa kita.

- m. Kita boleh belajar untuk tidak menyerah kepada sifat berdosa kita dan belajar untuk hidup dengan Roh Allah serta dipimpin oleh-Nya, langkah demi langkah di sepanjang perjalanan kehidupan kita.



Doa

Serahkan diri anda kepada Tuhan, berdoa agar anda akan bertekun untuk hidup dalam Roh dan tidak membenarkan diri anda menyerah kepada kemahuan diri anda yang lama. Berdoa agar Dia akan terus membantu anda bertumbuh dalam perjalanan anda bersama-Nya dan mengeluarkan buah-Nya di dalam kehidupan anda.

Sesi 7: Perang Melawan Iblis



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa perjuangan mereka pada akhirnya bukannya untuk melawan daging dan darah tetapi untuk melawan Iblis dan kuasa kegelapannya dalam alam rohani.
2. Mengetahui strategi Iblis dalam membawa orang-orang menjauhi Allah.
3. Mempelajari tentang perisai rohani yang Allah telah bekalkan buat mereka agar mereka dapat bertahan melawan Iblis.
4. Memeriksa kehidupan mereka untuk mendapat tahu retakan pada perisai rohani mereka dan langkah-langkah yang boleh mereka ambil untuk menyelesaikannya.



Pencetus Minat

Disabotaj!

(Diperlukan: Kertas saiz A4, sampul surat)

Tujuan aktiviti ini adalah untuk melihat sama ada para peserta boleh mendapat tahu atau tidak bahawa terdapat tiga kepingan yang tidak boleh dimuatkan pada 'puzzle'.

1. Bahagikan para peserta kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada dua atau tiga orang.
2. Tulis pernyataan berikut pada sekeping kertas saiz A4:

**Peringatan:
Ada tiga kepingan
yang tidak akan muat!**

3. Sediakan mengikut bilangan kumpulan yang anda ada.
4. Kemudian gunting setiap keping kertas kepada 30-40 keping menjadikannya gambar susun suai (*jigsaw puzzle*)
5. Daripada setiap 'puzzle', pilih tiga kepingan strategik, contohnya, kepingan yang terdapat bahagian tulisan padanya. Gunting **tiga kepingan tambahan** lain yang bentuk dan saiznya sama dengan kepingan terdahulu tetapi jangan guntingkannya terlalu sama. Anda juga mungkin mahu menulis sesuatu pada kepingan tersebut untuk menambahkan kekeliruan. Walau bagaimanapun, anda perlu memastikan peringatan itu masih boleh dibaca walaupun kepingan berkenaan hilang.

6. Selepas itu, alihkan kepingan asal dan tambahkan kepingan baru kepada setiap 'puzzle'. Lakukannya pada setiap 'puzzle' yang anda ada.
7. Idea ini adalah untuk mengelirukan para peserta dan menghalang mereka daripada menyiapkan 'puzzle' tersebut.
8. Kemudian letakkan setiap set ke dalam sampul surat berbeza untuk mengelakkan set-set daripada bercampur.
9. Berikan satu set kepada setiap kumpulan untuk disiapkan.
10. Jadikannya seperti suatu pertandingan untuk melihat kumpulan mana yang siap dahulu.
11. Jangan biarkan mereka tahu tentang kepingan tambahan atau melayan sebarang soalan. Mereka harus mencari sendiri apa yang sedang terjadi dan melengkapkan 'puzzle' tanpa tiga kepingan yang asal.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Bagaimanakah perasaan anda apabila mendapati bahawa anda telah disabotaj dan sengaja dihalang daripada menyiapkan 'puzzle' tersebut? *(Biar mereka respon)*
2. Adakah anda akan mendapatinya sekiranya bukan kerana peringatan pada 'puzzle' itu sendiri? *(Biar mereka respon)*
3. Tidak menyenangkan untuk cuba melakukan sesuatu yang baru dan terdapat seseorang yang menyelerakkannya atau menjadikannya sukar untuk anda menyelesaikan apa yang sedang anda lakukan, bukan?
4. Adalah lebih mudah untuk menyelesaikannya sekiranya anda tahu sejak awal lagi apa yang sedang anda hadapi.
5. Walau bagaimanapun, kadang-kadang anda mungkin tidak sedar bahawa ada sesuatu yang sedang melakukan sesuatu untuk melawan anda dan akhirnya anda gagal melaksanakan apa yang anda telah tetapkan untuk lakukan.
6. Hal ini sama dengan apa yang terjadi dalam kehidupan rohani anda, terutama dalam perjuangan melawan musuh ketiga anda – si Iblis.
7. Iblis adalah musuh kita yang tidak kelihatan.
8. Seperti apa yang telah berlaku dalam aktiviti tadi, kita mungkin menghadapi masalah atau kesukaran dalam kehidupan kita, baik fizikal mahupun rohaniah, dan tidak sedar bahawa Iblis sedang bekerja di sebaliknya.
9. Perang melawan Iblis adalah sesuatu yang sangat kritikal dan kita akan membincangkannya dalam sesi hari ini.

B. Ketahui Musuh Anda

1. Sang Musuh (Efesus 6:10-12; 1 Petrus 5:8; Wahyu 12:9; Yohanes 12:31; 17:15)

- a. Paulus mengingatkan kita bahawa pada akhirnya, perjuangan dalam kehidupan Kristian bukannya melawan daging dan darah – apa yang kita boleh lihat di sekeliling kita, orang, hal-hal atau peristiwa-peristiwa dalam dunia fizikal yang kita huni ini (Efesus 6:11-12)
- b. Dia berkata bahawa di sebalik kesukaran dan tentangan yang kita hadapi adalah kuasa kejahatan. Perjuangan kita pada akhirnya adalah untuk melawan kuasa tersebut dalam alam rohaniah – Iblis dan kuasa kegelapan di bawahnya – yang mana kita tidak dapat lihat.
- c. Petrus juga berkata bahawa musuh kita adalah syaitan iaitu Iblis sendiri.
- d. Banyak nama telah diberikan kepada Iblis, dari 'syaitan' kepada 'si jahat', 'naga yang dashyat', 'ular kuno' (merujuk pada kenyataan bahawa Iblis yang telah menggoda Hawa di taman Eden) dan 'putera dunia ini'.

2. Strateginya (Wahyu 12:9; 2 Korintus 11:3)

Strategi Iblis pada akhirnya adalah untuk membawa manusia, terutamanya umat Allah, untuk menjauhi Allah (Wahyu 12:9) dan daripada ketaatan terhadap-Nya (2 Korintus 11:3). Dia melakukannya dengan cara-cara berikut:

a. Menuduh Kita (Wahyu 12:10)

- i. Iblis menuduh umat Tuhan di hadapan Allah.
- ii. Yohanes memanggilnya penuduh bagi saudara-saudara (Wahyu 12:10). Pada pendapat anda, apakah yang dimaksudkan oleh Yohanes? (*Biar mereka respon*)
- iii. Seringkali orang-orang Kristian berasa teruk apabila mereka berdosa. Iblis kemudiannya meletakkan pemikiran terkutuk ke dalam fikiran mereka, menuduh mereka di hadapan Allah dan dengan itu, mengumpun mereka kerana kegelisahan mereka.
- iv. Sebagai hasilnya, banyak yang merasakan diri mereka sangat teruk. Dan mereka tidak berpaling kepada Allah untuk meminta pengampunan, sebaliknya mereka bergerak menjauhi Allah dalam kegelisahan dan perasaan malu.

b. Ragu-ragu Terhadap Allah (Kejadian 3:1-5; Yohanes 8:44)

- i. Strategi lain si Iblis adalah untuk meragui Tuhan Allah dan

Firman-Nya. Kita dapat melihatnya dalam pertemuan Iblis dengan Hawa di Taman Eden.

- ii. Syaitan sering melemparkan kesangsian terhadap Firman Allah dan membuat kita berasa ragu adakah Firman Allah seperti yang kita fikirkan atau tidak (Kejadian 3:4).
- iii. Dia akan meletakkan idea-idea ke dalam fikiran kita tentang kemungkinan Allah tidak adil atau saksama, atau kemungkinan bahawa Allah benar-benar mahu membataskan kebebasan dan keinginan kita untuk berseronok (Kejadian 3:5).
- iv. Dia cuba menjadikan Allah pendusta (Kejadian 3:4-5). Yesus sendiri menuduh Iblis dan memanggilnya pendusta dan bapa kepada segala penipuan; pembunuh kebenaran Allah (Yohanes 8:44).

3. Menggoda Kita (Lukas 4:1-13)

- a. Kita dapat melihat strategi Iblis ini dalam pertemuannya dengan Yesus di gurun.
- b. Iblis akan datang kepada kita ketika kita berada di lembah paling bawah kehidupan kita, contohnya, apabila kita mengalami kepenatan secara fizikal dan mental, tertekan, kebosanan dan lain-lain, dan dia akan menggoda kita.
- c. Hal ini terjadi apabila kita dapat dipengaruhi dengan mudah kerana pertahanan kita pada waktu itu sangat rendah. Dalam hal Yesus, ia berlaku ketika Dia sedang kelaparan dan fizikal-Nya kekurangan tenaga kerana telah berpuasa selama 40 hari.
- d. Godaan terdiri daripada banyak bentuk. Tujuan utama Iblis adalah untuk membuat kita berdosa dan membawa kita jauh daripada Allah.
- e. *(Pastikan mereka berbincang tentang pelbagai bentuk godaan yang dapat dilakukan)*
- f. Iblis selalunya akan menyerang pada titik kelemahan kita – ia boleh jadi dalam hal berkaitan seks, kelemahan kita untuk melakukan kebaikan dalam hidup, kecenderungan kita untuk meniru dalam peperiksaan, menipu dan sebagainya.
- g. Kita harus berjaga-jaga pada waktu seperti itu dengan berpaut pada Allah dan Firman-Nya kerana pada waktu inilah kita akan digoda untuk melakukan perkara-perkara yang kita tidak biasa lakukan.

4. Membutakan Fikiran Kita (Lukas 8:12; 2 Korintus 4:3-4; 13-14)

- a. Memandangkan tujuan Iblis pada akhirnya adalah untuk menghalang manusia daripada datang kepada Allah, dia akan melakukan apa sahaja untuk memastikan Firman Allah tidak sampai ke hati mereka.

- b. Dia melakukannya melalui cara-cara berikut:
 - Merampas Firman Allah sebelum ia masuk ke dalam hati manusia (Lukas 8:12)
 - Menutup fikiran manusia supaya mereka tidak dapat melihat atau memahami kebenaran Allah (2 Korintus 4:3-4)
 - Menipu dengan menggunakan manusia, termasuklah orang-orang Kristian untuk menyesatkan anda menyimpang dari jalan Tuhan (2 Korintus 11:3; 13-14)
- c. Kita harus ingat di atas segalanya itu, Iblis bukan musuh yang boleh kita ambil ringan.
- d. Dia bahkan akan menyamar sebagai malaikat terang. Dia akan melakukan hal yang seolah-olah baik atau menggunakan manusia yang baik untuk menipu kita sehingga kita berfikir bahawa semuanya baik atau kita berada dalam tujuan Tuhan (2 Korintus 11:14).
- e. Alkitab memberitahu kita bahawa dia licik serta penipu dan akan melakukan pelbagai cara untuk membawa kita jauh daripada iman dan kesetiaan kita terhadap Allah.

C. Strategi Allah (25 minit)

- i. Kuasa-kuasa kegelapan hanya boleh dilawan dengan bantuan dari syurga. Strategi Allah adalah kita harus memakai perisai rohani Allah dan kemudian bertahan dalam apa jua yang bakal dilemparkan oleh Iblis ke dalam jalan kita.
- ii. Paulus menggunakan model perisai yang dipakai oleh tentera Rom untuk menggambarkan secara grafik bahagian demi bahagian tentang bagaimana kita dapat menggunakannya untuk melindungi diri kita daripada serangan Iblis.

1. Tali Pinggang Kebenaran

- a. Tali pinggang kulit adalah simbol tugas yang cergas bagi seseorang askar. Ia sebenarnya bertujuan untuk mengumpul dan memegang pakaian seragam di pinggang supaya tentera itu sudah siap semuanya untuk berperang.
- b. Tali pinggang melambangkan kebenaran, baik kebenaran Allah seperti yang telah dibuktikan dalam Firman-Nya mahupun semua hal yang betul dan benar.
- c. Kita memerlukan kebenaran Allah untuk 'memegang' kita seperti pakaian seragam supaya kita bersiap sedia untuk menentang penipuan dan dusta Iblis.
- d. Pada masa yang sama, kita perlu menjalani kehidupan yang penuh dengan ketulusan agar kita dapat menghadapi penipuan Iblis tanpa rasa takut.

2. Perisai Dada Ketulusan

- a. Perisai dada adalah sejenis kelengkapan yang melindungi bahagian-bahagian penting tubuh.
- b. Dengan pengorbanan-Nya, Kristus membawa kita kembali kepada hubungan yang benar dengan Allah.
- c. Oleh itu, kita perlu berdiri di bawah perlindungan kebenaran supaya Iblis tidak boleh mengutuk kita apabila kita berdosa.
- d. Seperti perisai dada yang melindungi tubuh daripada dcederakan, kebenaran Kristus melindungi kita daripada dituduh oleh Iblis apabila kita berdosa.
- e. Pada masa yang sama, kita juga perlu menjalani kehidupan yang benar agar Iblis tidak mempunyai apa-apa untuk menuduh kita di hadapan Allah.

3. Kasut Berita Baik

- a. Kasut tentera Rom bertujuan memperengkapi mereka untuk perjalanan yang jauh dan untuk mereda kawasan yang sukar. Semasa mereka telah memakai kasut, mereka telah bersiap sedia untuk mara dalam peperangan.
- b. Dalam cara yang sama, kita tidak boleh berperang dengan Iblis sehingga kita memperengkap diri kita dengan Berita Baik tentang kedamaian.
- c. Berita Baik tentang kedamaianlah yang telah memecahkan tembok yang memisahkan kita daripada Allah dan membawa kita dekat kepada-Nya (Efesus 2:14-22).
- d. Tanpa berpegang pada ajaran Yesus Kristus, kita tidak akan dapat berdiri menentang Iblis dalam perjalanan iman yang panjang dan kadang-kadang sukar.
- e. Semasa kita memanfaatkan ajaran Yesus untuk diri kita, kita sudah bersiap sedia untuk mara ke khemah musuh untuk turut menyelamatkan orang lain.

4. Perisai Kepercayaan

- a. Perisai ini adalah perisai besar berbentuk segi empat yang direka untuk melindungi perajurit dan menangkap serta memadamkan anak panah berapi yang diacuhkan oleh pihak musuh.
- b. Kita harus menggunakan kepercayaan kita sebagai perisai untuk melindungi diri daripada anak panah berapi si jahat.
- c. Apabila kita percaya dan yakin dengan Allah serta apa yang difirmankan-Nya dalam Firman-Nya, Dia akan memberikan kesejahteraan-Nya untuk menjaga hati kita. Dengan itu, anak panah berapi tentang penipuan dan kutukan yang dilemparkan ke arah kita oleh Iblis tidak akan dapat mcederakan kita.

Ingatkan mereka tentang strategi yang digunakan oleh Iblis.

- d. Pada akhirnya, bukan iman kita yang besar yang menyelamatkan kita tetapi kepercayaan yang besar di dalam Allah yang akan membantu kita melawan si jahat.

5. Topi Penyelamatan

- a. Topi adalah apa yang dipakai oleh tentera di kepala untuk melindunginya daripada cedera.
- b. Fikiran kita juga begitu. Ia perlu dilindungi daripada cedera. Ini ialah bahagian di mana Iblis akan menyerang untuk memusnahkan keyakinan kita bahawa kita telah diselamatkan dalam Kristus.
- c. Kita memakai topi penyelamatan untuk memastikan diri kita bahawa kita telah diselamatkan daripada dosa-dosa kita melalui karya penyelamatan Yesus di kayu salib.
- d. Dengan berpaut teguh pada penyelamatan kita, kita dapat mengelakkan Iblis daripada menyerang fikiran kita dengan kesangsian tentang hubungan kita dengan Allah dan kasih-Nya terhadap kita.

6. Pedang Roh

- a. Paulus merujuk pedang sebagai pedang pendek yang dipakai di sisi dan digunakan dalam pertempuran jarak dekat.
- b. Ia adalah satu-satunya senjata pertahanan yang digambarkan dalam perisai (*ada yang menganggap Berita Baik juga sebagai satu senjata pertahanan*).
- c. Seorang askar dilatih untuk menggunakan pedang agar dia efektif apabila menghadapi musuh dalam pertempuran jarak dekat. Dan dengan adanya pedang, askar tersebut akan dapat menyebabkan kecederaan pada musuh atau sekurang-kurangnya menyebabkan pihak musuh berundur.
- d. Dalam cara yang sama, kita harus melatihkan diri kita sendiri untuk memahami Firman Allah dan mengaplikasikannya dalam kehidupan jika kita mahu menewaskan Iblis apabila dia datang kepada kita dengan penipuan dan kebenarannya yang tidak benar. (*Ingatkan mereka tentang apa yang Yesus lakukan dengan Firman Allah semasa Dia bertemu dengan Iblis di gurun*)
- e. Kita tidak boleh menunggu sehingga waktu peperangan baru kita hendak mengasah pedang dan belajar untuk menggunakannya.

7. Kuasa Doa

- a. Paulus turut memasukkan doa dalam senarainya biarpun tiada bahagian seperti itu dalam kelengkapan tentera.
- b. Selain memakai perisai, Paulus menggesa kita untuk berdoa

dalam Roh dan dengan pelbagai jenis doa dan permintaan.

- c. Kita harus berwaspada dan berhati-hati dalam doa, bukan sahaja untuk diri kita, tetapi juga untuk umat Allah.
- d. Sama seperti Firman Allah di bawah jagaan Roh Kudus yang merupakan senjata pertahanan yang berkuasa, doa di bawah inspirasi Roh yang sama juga berkuasa.
- e. Iblis gementar biarpun melihat orang kudus yang lemah berlutut berdoa.
- f. *(Suruh mereka baca Daniel 10:12-13 dan Wahyu 8:2-5)*
- g. Kuasa-kuasa kegelapan sangat takut dengan ketekadan Daniel untuk berdoa dan kita telah baca bahawa peperangan syurgawi yang habis-habisan berlaku setelah Daniel berdoa.
- h. Dalam kitab Wahyu, kita membaca bahawa hal-hal besar terjadi di bumi apabila umat Allah berdoa.
- i. Kita bekerja sebagai rakan sekerja Allah – kita berdoa dan Dia mengerjakan tujuan-Nya dalam alam rohaniah.
- j. Selepas memakai perisai Allah, apa yang tinggal untuk kita ialah berdiri teguh – untuk mengambil posisi dalam peperangan dan untuk menegakkan pendirian kita.



Doa

Baca Efesus 6:10-11 sekali lagi. Kemudian berdoalah agar berkat Tuhan sentiasa beserta anda sepanjang anda menjalani kehidupan di dalam-Nya.

Sesi 8: Perjuangan Terakhir



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui mengapa manusia takut akan kematian
2. Memeriksa pemahaman diri mereka sendiri tentang apa yang dimaksudkan dengan menghadapi kematian sebagai orang Kristian
3. Mempelajari apa yang telah Kristus lakukan untuk mereka dan mengapa mereka boleh menghadapi kematian tanpa rasa takut dan gelisah
4. Mempertimbang reaksi mereka terhadap kematian dan bagaimana mereka akan menjalani kehidupan sekiranya mereka berhadapan dengan kematian



Pencetus Minat

Ketakutan Terbesar Saya

Tujuan aktiviti ini adalah untuk membuatkan para peserta berbincang tentang ketakutan terbesar dalam kehidupan mereka.

1. Bahagikan para peserta kepada kumpulan yang terdiri daripada empat atau lima orang.
2. Minta mereka untuk membincangkan soalan berikut:

Apakah ketakutan terbesar yang anda hadapi?

Berikan alasan-alasan anda.

3. Lihat jika terdapat sebarang jenis ketakutan yang biasa dihadapi dan minta mereka berbincang mengapa terlalu banyak orang yang terkesan dengan jenis ketakutan yang sama.
4. Kemudian minta mereka untuk berbincang mengenai pendapat mereka tentang jalan penyelesaian untuk membantu menghilangkan ketakutan mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kita semua mempunyai ketakutan, bukan? (*Biar mereka respon*)
2. Tidak ada seorangpun yang hidup di dunia ini tanpa berasa takut.
3. Sudah pasti ada ketakutan kita adalah sesuatu perkara yang kecil dan tidak menyebabkan kita berasa terlalu risau atau gelisah.
4. Ada di antara kita yang mungkin menghadapi ketakutan yang besar. Kadang-kadang, ketakutan ini berada dalam kawalan kita dan kita boleh melakukan sesuatu tentangnya. (*Rujuk pada beberapa*

perkara yang telah mereka bangkitkan)

5. Terdapat juga orang yang menghadapi ketakutan yang melumpuhkan mereka secara emosional kerana ia berada di luar kawalan mereka, atau kerana ia tertanam begitu dalam dalam fikiran mereka sehingga mereka sukar untuk menanganinya.
6. Salah satu ketakutan yang paling besar yang dihadapi oleh semua orang (*rujuk padanya sekiranya ia adalah antara perkara yang dibangkitkan oleh mereka sebentar tadi*) adalah ketakutan terhadap kematian.
7. Kematian adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan oleh seorang pun di dunia ini.
8. Setiap daripada kita pasti akan mati pada suatu hari nanti. Sebab itulah mengapa banyak orang yang takut akan kematian. Ia adalah sesuatu yang tidak boleh mereka elakkan.
9. Sebagai orang Kristian, kematian adalah peperangan terakhir yang kita akan hadapi dalam kehidupan kita dan ini adalah yang kita akan bincangkan dalam sesi ini.

B. Ketakutan terhadap Kematian

1. Ia Adalah Takdir Setiap Orang

- a. Orang takut akan kematian kerana ia adalah takdir setiap orang.
- b. Tiada seorang pun yang dapat melepaskannya. Ia tidak mengenal bangsa, usia atau keupayaan. Setiap orang akan mati pada suatu hari nanti.
- c. Ia adalah satu-satunya perkara yang pasti akan terjadi kepada setiap orang di dunia ini.
- d. Oleh itu, orang takut akan kematian kerana mereka tahu ia akan berlaku kepada mereka suatu hari nanti dan oleh yang demikian, mereka tidak mempunyai cara untuk lepas daripadanya.

2. Ia Adalah Kesudahan Yang Paling Akhir

- a. Orang juga takut akan kematian kerana ia adalah penamat kehidupan. Seperti yang mereka lihat, tiada lagi kewujudan selepas kematian.
- b. Terdapat ketakutan yang besar kerana ada sesuatu yang tidak diketahui tentang kematian. Soalan-soalan seperti 'Apakah yang akan terjadi kepada anda?' dan 'Ke manakah anda akan pergi?' tidak dapat dijawab. Orang takut pada apa yang tidak mereka ketahui.
- c. Kematian merupakan sesuatu yang lebih menakutkan kerana anda tidak tahu sama ada ia adalah penamat diri anda yang muktamad atau tidak. Walaupun ramai antara mereka yang cuba untuk berpegang pada kepercayaan agama tentang apa yang akan berlaku terhadap mereka setelah mati, mereka tidak

dapat memastikannya. *(Pastikan mereka berbincang apa yang mereka tahu tentang kepercayaan agama lain mengenai kematian)*

- d. Kadang-kadang, orang-orang Kristian sendiri takut akan kematian walaupun mereka percaya bahawa mereka telah memiliki kehidupan yang kekal bersama Allah.
- e. Masalah utamanya adalah tiada seorang pun yang pernah hidup semula untuk memberitahu apa yang telah terjadi.
- f. Oleh itu, kematian nampaknya merupakan penamat kewujudan kita yang terakhir di planet ini.

3. Ia di Luar Kawalan Kita

- a. Banyak orang takut terhadap apa yang mereka tidak dapat kawal. Dan kematian berada di luar kawalan manusia.
- b. Tiada seorang pun yang dapat mengawal bila ia akan terjadi dan bagaimana ia terjadi.
- c. Sebab itulah banyak orang yang takut akan kematian kerana ia boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, terutamanya dalam kes seperti serangan jantung, kemalangan, penyakit yang secara tiba-tiba, dan sebagainya.
- d. Walaupun apabila orang sakit dan kematian tidak dijemput, ia masih di luar kawalan seseorang. Kita tidak akan pernah tahu bila orang itu akhirnya akan tewas pada penyakit.
- e. Bahkan ubat dan teknologi perubatan yang maju juga tidak boleh membantu. Sebagai kesudahannya, orang-orang yang kaya pun tidak dapat membeli kehidupan semula.
- f. Kematian ada di dalam tangan Tuhan, bukan manusia.
- g. Sebagai orang-orang Kristian, bagaimanakah kita menangani ketakutan terhadap kematian?

C. Musuh Terakhir

- i. Beritahu mereka untuk membayangkan senario ini:

Anda sedang melawat salah seorang rakan baik daripada kumpulan belia anda yang menghadapi kanser paru-paru. Dia berada dalam tahap terakhir penyakit itu dan diberitahu bahawa dia hanya mempunyai waktu tinggal beberapa hari sahaja lagi untuk hidup. Dia sangat ketakutan untuk menghadapi kematian. Apakah kata-kata penenang dan semangat yang dapat anda berikan kepadanya daripada Alkitab untuk membantunya mengatasi ketakutannya?

- ii. Kemudian suruh mereka kongsi pendapat mereka.
- iii. Suruh mereka buka dan baca Ibrani 2:14-15 dan 1 Korintus 15:22-26, 50-57.
- iv. Tanya pendapat mereka terhadap petikan itu, apa yang dinyatakannya tentang isu kematian dan takdir terakhir kita.

1. Menghadapi Krisis Tersebut

- a. Sangat mudah untuk kita mengatakan mesej ayat-ayat Alkitab bahawa jika kita percaya kepada Yesus Kristus, kita akan menerima kehidupan yang kekal.
- b. Selalunya apabila kita benar-benar menghadapi kematian atau krisis yang melibatkan kematian, kita akan berdepan dengan adakah kita benar-benar percaya atau tidak dengan apa yang kita katakan.
- c. Kita harus memahami apa yang Alkitab ajarkan kepada kita tentang apa yang telah Yesus lakukan untuk kita.
- d. Selepas itu, kita perlu berpegang kepada iman tentang apa yang Alkitab ajarkan kepada kita. Kita harus yakin bahawa Allah yang mengutus Anak-Nya untuk menyelamatkan kita sememangnya akan dapat membawa dan memberikan apa yang telah dijanjikan-Nya.

2. Menghadapi Perang Tersebut (Ibr. 2:14-15; 1 Kor. 15:22-26, 50-57)

- a. Kita tidak dapat melawan musuh yang kita takuti. Dan kita semua takut akan kematian.
- b. Sangat mudah untuk mengatakan bahawa kita akan dibangkitkan semula daripada kematian. Bagaimana kita tahu bahawa itu akan berlaku? (*Biar mereka respon*)
- c. Penulis Surat Ibrani memberitahu kita bahawa Anak Allah menjadi manusia biasa untuk menyelamatkan kita daripada ketakutan terhadap kematian dan maut itu sendiri (Ibr. 2:14-15).
- d. Dia menjadi manusia yang akan berdepan dengan kematian, memusnahkan tuhan kematian dan membina jambatan untuk kita menyeberang dari kematian ke arah kehidupan.
- e. Dengan cara yang sama, Paulus memberitahu kita bahawa kebangkitan daripada kematian telah terjadi ke atas seseorang, iaitu Yesus Kristus (1 Korintus 15:22-24). Terdapat keterangan dan bukti bahawa ada kehidupan selepas kematian.
- f. Kristus adalah orang pertama yang dibangkitkan daripada kematian. Oleh itu, Dia akan datang kembali. Dia akan membuatkan kita yang merupakan kepunyaan-Nya untuk hidup kembali.
- g. Walaupun kematian belum lagi disingkirkan dari bumi, Yesus telah meraih kemenangan ke atasnya.
- h. Apabila Dia datang kembali, musuh yang terakhir iaitu kematian, akhirnya akan dimusnahkan sepenuhnya. (*Rujuk dalam 1 Korintus 15:50-57*)
- i. Itu adalah harapan dan janji yang Alkitab tawarkan kepada kita. Itu seharusnya menjadi harapan dan janji yang kita paut dalam iman semasa kita berdepan dengan kematian.

3. Menghadapi Musuh Tersebut

- a. Apakah yang harus kita lakukan apabila kita berdepan dengan

kematian atau apabila orang yang kita kenali berdepan dengan kematian?

- b. Pertama, kita harus tahu harapan dan janji yang Firman Tuhan berikan kepada kita.
- c. Kedua, kita harus berpegang kepada harapan dan janji tersebut dalam iman dan keyakinan. Sekiranya kita telah menjalani kehidupan yang mengalami realiti dan kasih daripada Allah, akan lebih mudah bagi kita untuk meyakini bahawa apa yang Allah firmankan tentang kematian dan kehidupan kita akan menjadi nyata.
- d. Ketiga, semasa kita berpegang pada janji Firman Allah, kita dapat berdepan dan bersemuka dengan musuh kita. Apa yang kematian boleh lakukan terhadap anda kecuali mempercepatkan proses anda menjadi kekal dan abadi serta dapat hidup dalam kehadiran Allah buat selama-lamanya? Ketahuilah bahawa kematian hanya memisahkan kita buat sementara waktu daripada orang-orang yang kita sayangi.
- e. Anda tidak perlu takut pada kematian seperti orang-orang yang tidak mengenal Allah. Bagi orang seperti itu, kematian adalah kesudahan terakhir. Mereka tidak mempunyai harapan bahawa terdapat sesuatu untuk mereka selepas itu. Tetapi anda ada.
- f. Lihat pada masa yang anda masih ada sebelum kematian tiba. Ketahuilah bahawa Pemenang ke atas kematian ada di pihak anda dan memberitahu anda agar tidak berasa takut.
- g. Berdiri teguhlah dan pakailah perisai rohani Allah dan bersandarlah dalam kasih dan kekuatan-Nya. Jalanilah kehidupan anda dalam damai sejahtera-Nya sebaik mana yang anda boleh dengan mengasihi dan melayani-Nya.
- h. Percayalah bahawa Bapa anda di syurga yang pengasih tahu masa yang terbaik Dia ingin membawa anda pulang kepada-Nya. Dan serahkan hal itu ke dalam tangan-Nya.
- i. Orang-orang Kristian yang telah mengetahui realiti dan kasih Allah dalam kehidupan mereka adalah orang-orang yang dapat menghadapi kematian dengan baik tanpa perasaan takut dan gelisah. Mereka percaya dalam Tuhan mereka kerana Dia selalu baik dan bersimpati kepada mereka.
- j. Apabila John Donne, penyajak Inggeris abad ketujuh belas berada dalam ambang kematian, ada tertulis bahawa dia menyusun kain kapannya dengan cermat, berbaring dengan tenang, menyilangkan tangannya di dada dengan penuh doa dan, dengan bersukacita serta merasakan kedamaian yang besar sebelum dia meninggal dunia.



Doa

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam
siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com
atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org